



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI SEMBILAN**

SIRI 2







# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013**

---

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI SEMBILAN**

**SIRI 2**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM	3
Pengurusan Dan Pengeluaran Sijil Halal	
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	15
Program Pembangunan Industri Ternakan	
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH	26
Pengendalian Kes Syariah	
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN	40
MAINS Holdings Sdn. Bhd.	
<b>PENUTUP</b>	53





---

## KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sembilan.
2. Pada tahun 2014, Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan turut membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk melakukan perubahan peningkatan kesejahteraan rakyat dan menyokong Dasar Transformasi Negara demi mencapai matlamat utama sebagai negara maju dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2013 Siri 2 untuk sesi pembentangan kedua tahun 2014 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Kewangan Negeri. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 11 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~  
~~Malaysia~~

Putrajaya  
2 Mei 2014



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

#### - Pengurusan Dan Pengeluaran Sijil Halal

1.1. Pengurusan pensijilan halal bertujuan memberi pengiktirafan dan jaminan kepada pengguna terutama masyarakat Islam bahawa makanan yang dimakan dan produk/bahan gunaan/premis yang digunakan adalah halal, bersih dan suci. Pengurusan Pensijilan Halal adalah di bawah pengendalian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan semua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). JAKIM berfungsi sebagai badan pemantau di peringkat pusat dan juga bertanggungjawab mengeluarkan sijil pengesahan halal. JAIN termasuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) pula bertanggungjawab terhadap proses permohonan sijil hingga ke peringkat kelulusan. Manakala pengurusan pensijilan halal dari luar negara diurus sepenuhnya oleh pihak JAKIM. Mulai bulan Ogos 2011, kaedah pengurusan pensijilan halal telah dilaksanakan melalui sistem e-Halal. Permohonan pensijilan halal yang telah selesai diproses dan melepas peringkat pengauditan akan dibawa kepada Jawatankuasa Panel Pengesahan Pensijilan Halal Negeri Sembilan untuk kelulusan. Seterusnya, ia akan dikemukakan kepada JAKIM untuk pengeluaran Sijil Halal. Bagi tempoh tahun 2011 hingga November 2013, sebanyak 758 permohonan sijil halal telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 638 telah diluluskan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 mendapati pengurusan dan pengeluaran sijil halal telah dijalankan dengan memuaskan di mana prestasi pengeluaran sijil halal bagi tempoh 2011 hingga 2013 mencapai 84.2% daripada 758 permohonan yang diterima. Selain itu, pemantauan terhadap pematuhan syarat pensijilan halal selepas mendapat sijil halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pemprosesan sijil halal yang memerlukan penambahbaikan seperti di bawah:

- Permohonan sijil halal lewat diproses mengikut tempoh yang ditetapkan antaranya disebabkan pengauditan terhadap premis yang memohon pensijilan lewat dijalankan.
- Pelanggaran terhadap beberapa syarat pensijilan halal oleh premis yang telah mendapat sijil halal. Antara pelanggaran syarat adalah berkaitan kebersihan premis, penggunaan bahan mentah yang tidak mempunyai logo halal dan menjual produk siap daripada pengeluar lain yang menggunakan logo halal yang tidak sah.

**1.3.** Bagi memastikan pelaksanaan pensijilan halal dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, adalah disyorkan JHEAINS mengambil tindakan seperti berikut:

**1.3.1.** Mengambil tindakan pengisian jawatan Penolong Pegawai Teknologi Makanan bagi memastikan proses pengauditan premis dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

**1.3.2.** Memastikan aktiviti pemantauan terhadap premis yang telah mendapat sijil halal dijalankan secara lebih menyeluruh agar syarat pensijilan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

**1.3.3.** Bekerjasama bersama Pihak Berkuasa Tempatan agar dapat menetapkan syarat untuk mendapatkan sijil halal sebagai salah satu syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapatkan lesen perniagaan atau memperbaharui lesen perniagaan bagi premis makanan/pengeluar produk/bahan gunaan.

**1.3.4.** Aktiviti promosi dan hebahan boleh dipergiatkan lagi bagi meningkatkan kesedaran terhadap pensijilan halal kepada pengusaha dan juga pengguna.

## **2. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

### **- Program Pembangunan Industri Ternakan**

**2.1.** Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (Jabatan) bertanggungjawab membangunkan industri ternakan di Negeri Sembilan. Fungsi utama Jabatan adalah berkaitan pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan ternakan; pengawalan, pencegahan dan penghapusan penyakit haiwan, kuarantin dan penyelidikan; perwujudan latihan bagi Industri Ternakan; pengawalan import dan eksport ternakan dan hasil ternakan; pemeriksaan daging, susu, telur dan pengawalan tempat penyembelihan; dan pengembangan pengeluaran dan kesihatan ternakan. Jabatan melalui Unit Industri Ternakan (UIT) telah memperkenalkan Program Pembangunan Industri Ternakan (Program) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Objektif program ini adalah untuk Melahirkan usahawan ternak yang berdaya maju dan berdaya saing; Meningkatkan pengeluaran daging secara integrasi dan fidlot; Mewujudkan kawasan bebas penyakit; Pemantapan penyampaian perkhidmatan veterinar; dan Transformasi penternak ke tahap komersial. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM8.38 juta peruntukan telah diterima daripada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan Program ini dan sejumlah RM8.34 juta telah dibelanjakan.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 terhadap Program Pembangunan Industri Ternakan mendapati aspek pengurusan peruntukan adalah baik dengan peratusan perbelanjaan bagi tempoh 2011 hingga 2013 melebihi 90%. Bagaimanapun, aspek pengurusan Program secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan yang ditemui seperti di bawah:

- Tidak ada kaedah yang jelas bagi menilai tahap pencapaian dan prestasi pelaksanaan Program dari segi pencapaian objektif dan juga sasarannya. Ia juga menyukarkan proses pemantauan dilakukan terhadap Program tersebut.
- Hanya 62 (9.8%) daripada 630 orang penternak yang telah menerima skim PINTAF/Pawah telah memulangkan ternakan mengikut perjanjian yang ditandatangani. Ini melibatkan sebanyak 315 ekor ternakan (5.6%) daripada 5,596 ternakan yang telah diagihkan bagi tempoh sepanjang 2008 hingga 2013.
- Sejumlah RM1.44 juta daripada peruntukan bagi Program telah dibelanjakan bukan bagi tujuan Program ini kerana Jabatan tiada perancangan terhadap Program secara terperinci dari segi bilangan penternak serta jumlah ternakan yang akan diagihkan.
- Tidak ada kajian pasaran dilakukan bagi perolehan haiwan ternakan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 yang berjumlah RM6.62 juta.
- Perolehan dan pengagihan ternakan bagi tahun 2011 tidak dapat ditentukan kerana baucar bayaran berserta dokumen sokongan berkaitan didapati hilang. Selain itu, pengesahan sama ada ternakan tersebut telah menjalani pemeriksaan kesihatan, vaksinasi dan ujian darah tidak dapat dilakukan kerana semua dokumen sokongan berkaitan telah dikepulkan bersama baucar bayaran tersebut.
- Tidak ada mekanisme pemantauan khusus terhadap Program ini bagi memastikan pelaksanaannya mencapai matlamat program serta tidak ada siasatan dijalankan terhadap aduan kematian ternakan oleh penternak.

**2.3.** Bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan Program ini adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri mengambil tindakan seperti berikut:

**2.3.1.** Menetapkan sasaran Program yang jelas bagi membolehkan Jabatan menilai prestasi Program yang dilaksanakan.

**2.3.2.** Penguatkuasaan terhadap perjanjian PINTAF kepada penternak bagi memastikan pemulangan ternakan dibuat mengikut perjanjian. Selain itu, Jabatan hendaklah meningkatkan pemantauan dengan membuat lawatan secara berkala terhadap pelaksanaan Program.

**2.3.3.** Rekod berkaitan Program hendaklah disimpan dengan baik untuk tujuan semakan dan pemantauan.

### **3. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH**

#### **- Pengendalian Kes Syariah**

**3.1.** Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) ditubuhkan berdasarkan kepada Sek. 41(1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan pada 1960. Objektif penubuhan JKSNS antaranya adalah untuk mengendalikan kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan berdasarkan bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang dan perlombagaan selaras kehendak serta prinsip Islam. JKSNS terdiri daripada 3 kategori iaitu Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS), Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan Mahkamah Rendah Syariah (MRS). JKSNS berbidang kuasa untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan kes mal, kes jenayah dan kes faraid berdasarkan punca kuasa yang diberikan di bawah undang-undang dan enakmen yang berkuat kuasa antaranya Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003. Berdasarkan laporan yang diselenggarakan oleh JKSNS, sejumlah 15,361 kes Mal dan 2,872 kes Jenayah telah didaftarkan pada tahun 2011 hingga 2013. Daripada jumlah pendaftaran kes tersebut, sebanyak 15,296 kes Mal dan 2,630 kes Jenayah telah berjaya diselesaikan pada tahun 2011 hingga 2013. Manakala sebanyak 1,449 kes Mal dan 1,007 kes Jenayah masih tertangguh pada akhir tahun 2013.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara September hingga November 2013 mendapati pada keseluruhannya pengendalian kes syariah di JKSNS adalah baik di mana jumlah penyelesaian kes Mal dan Jenayah meningkat pada tahun 2013 berbanding 2012. Jumlah penyelesaian kes Mal pada tahun 2013 meningkat kepada 5,343 berbanding 4,876 pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 9.6%. Bagi kes Jenayah pula, sebanyak 1,399 berjaya diselesaikan pada tahun 2013 berbanding 749 pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 86.8%. Selain itu, sebanyak 97% kes yang didaftarkan telah berjaya disebut dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak JKSNS juga telah menjalankan pemantauan terhadap pengendalian kes syariah dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek dalam pengendalian kes syariah yang perlu penambahbaikan seperti di bawah:

- Pertambahan bilangan kes tertunggak disebabkan beberapa faktor dalaman dan luaran. Antara faktor tersebut adalah nisbah hakim berbanding bilangan kes yang tinggi dan OKT/defendant tidak hadir atau minta tangguh perbicaraan.
- Rekod e-Syariah tidak dikemas kini di mana terdapat perbezaan jumlah kes antara sistem e-Syariah dan rekod manual yang diselenggarakan.

**3.3.** Bagi meningkatkan prestasi pengendalian kes syariah, adalah disyorkan supaya JKSNS mempertimbangkan perkara berikut:

**3.3.1.** Mengkaji semula keperluan bilangan hakim dan lain-lain jawatan selaras dengan

pertambahan bilangan kes syariah yang didaftarkan setiap tahun.

**3.3.2.** Mengemas kini data kes dalam sistem e-Syariah bagi mengelak perbezaan dengan rekod manual untuk memastikan integriti data tersebut.

#### **4. MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN**

- **MAINS Holdings Sdn. Bhd.**

**4.1.** MAINS Holdings Sdn. Bhd.(MHSB) dahulu dikenali sebagai EDIFAJAR Development Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 22 Januari 1997. Syarikat ini telah ditukar namanya dan dikenali sebagai MAINS Holdings Sdn. Bhd. secara sah mulai 10 November 1998. Ia merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.75 juta. Objektif penubuhan MHSB adalah untuk meningkatkan sumber pendapatan MAINS melalui aktiviti perniagaan syarikat dan mengurus serta membangunkan segala aset MAINS agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Aktiviti utama MHSB adalah dalam perniagaan harta tanah dan perkhidmatan di mana mereka terlibat di dalam bidang seperti pengurusan harta, pembangunan harta tanah, pembangunan perniagaan dan perkhidmatan kaunseling. Sehingga bulan November 2013, MHSB mempunyai 2 syarikat subsidiari dengan pegangan saham 100% iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS) dan MAINS Hotel Sdn. Bhd. (MAINS Hotel) yang ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti berkaitan pengurusan wakaf dan bidang hospitaliti.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga November 2013 mendapati secara keseluruhananya kedudukan kewangan MHSB adalah baik di mana sehingga akhir tahun 2012 syarikat masih merekodkan keuntungan terkumpul sejumlah RM5.85 juta. MHSB memperoleh keuntungan bersih selepas cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut walaupun trend keuntungan menunjukkan pola menurun. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat aspek yang perlu penambahbaikan dari segi kutipan hasil dan jadual penyenggaraan premis yang disewakan.

**4.3.** Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi mempertingkatkan pengurusan syarikat MHSB:

**4.3.1.** Menyediakan jadual penyenggaraan bagi memastikan setiap premis dan peralatan yang disewa sentiasa dalam keadaan baik dan dapat memanjangkan jangka hayat premis dan peralatan.

**4.3.2.** Menyediakan Rancangan Strategik Korporat dan *Key Performance Indicator* supaya hala tuju perniagaan MHSB lebih jelas dan ada sasaran yang ditetapkan untuk dicapai.





---

## **AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**



# **AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

## **JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM**

### **1. PENGURUSAN DAN PENGETAHUAN SIJIL HALAL**

#### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Pengurusan pensijilan halal bertujuan memberi pengiktirafan dan jaminan kepada pengguna terutama masyarakat Islam bahawa makanan yang dimakan dan produk/bahan gunaan/premis yang digunakan adalah halal, bersih dan suci. Pengurusan Pensijilan Halal adalah di bawah pengendalian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan semua Jabatan Agama Islam Negeri. JAKIM berfungsi sebagai badan pemantau di peringkat pusat dan juga bertanggungjawab mengeluarkan sijil pengesahan halal. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) pula bertanggungjawab terhadap proses permohonan sijil hingga ke peringkat kelulusan. Manakala pengurusan pensijilan halal dari luar negara diurus sepenuhnya oleh pihak JAKIM.

**1.1.2.** Di Negeri Sembilan, pengurusan pensijilan halal telah diuruskan oleh Bahagian Penyelidikan, JHEAINS. Bahagian ini terbahagi kepada 4 unit iaitu Unit Pensijilan, Unit Pentadbiran Am, Unit Aduan Dan Penguatkuasaan serta Unit Pemantauan Dan Penerangan. Mulai bulan Ogos 2011, kaedah pengurusan pensijilan halal telah dilaksanakan melalui sistem e-Halal. Permohonan pensijilan halal yang telah selesai diproses dan melepas peringkat pengauditan akan dibawa kepada Jawatankuasa Panel Pengesahan Pensijilan Halal Negeri untuk kelulusan. Seterusnya, ia akan dikemukakan kepada JAKIM untuk pengeluaran Sijil Halal. Bagi tempoh tahun 2011 hingga November 2013, sebanyak 758 permohonan sijil halal telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 638 telah diluluskan.

#### **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan dan pengeluaran Sijil Halal telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan telah dijalankan dengan sempurna.

#### **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pengurusan dan pengeluaran Sijil Halal bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap rekod dan dokumen di Bahagian Penyelidikan JHEAINS. Selain itu, perbincangan dan temu bual

dengan pegawai terlibat juga dibuat bagi mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal. Lawatan ke premis makanan termasuk hotel serta kilang memproses makanan di daerah Seremban, Port Dickson dan Rembau telah dibuat bagi mendapatkan gambaran berkenaan pelaksanaan dan pemantauan. Soal selidik juga diedarkan kepada orang ramai bagi mendapatkan maklum balas tahap keberkesanan dan kesedaran pengguna terhadap penggunaan Sijil dan Logo Halal.

#### **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 mendapati pengurusan dan pengeluaran sijil halal telah dijalankan dengan memuaskan di mana prestasi pengeluaran sijil halal bagi tempoh 2011 hingga 2013 mencapai 84.2% daripada 758 permohonan yang diterima. Selain itu, pemantauan terhadap pematuhan syarat pensijilan halal selepas mendapat sijil halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pemprosesan sijil halal seperti yang dijelaskan di perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Permohonan sijil halal lewat diproses.
- Pelanggaran syarat pensijilan halal.


##### **1.4.1. Prestasi Pengeluaran Sijil Halal**

**1.4.1.1.** Pengeluaran sijil halal merangkumi kategori premis makanan, produk makanan serta bahan gunaan, hotel/resort/chalet dan rumah sembelih. Bagi tempoh 2011 hingga November 2013, sejumlah 758 permohonan sijil halal telah diterima daripada pengusaha/pemilik premis. Jumlah ini menunjukkan peningkatan pada tahun 2012 sebanyak 41 permohonan dan penurunan sebanyak 62 pada tahun 2013 (setakat November). Berdasarkan kepada 758 permohonan yang diterima, sebanyak 638 permohonan atau 84.2% telah diluluskan dan dikeluarkan sijil halal. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 68 sijil halal pada tahun 2012 kepada 256 berbanding 188 sijil halal pada tahun 2011. Manakala, pengeluaran sijil halal setakat November 2013 menurun sebanyak 62 sijil halal iaitu daripada 256 kepada 194 sijil halal. Faktor peningkatan pada tahun 2012 disebabkan timbulnya kesedaran di kalangan pengusaha mengenai kepentingan dan kelebihan terhadap pensijilan halal daripada aspek ekonomi dan sosial. Antara usaha yang telah diambil oleh JHEAINS adalah melalui seminar, pameran dan kempen. Analisis permohonan dan kelulusan sijil halal mengikut kategori bagi tempoh tahun 2011 hingga November 2013 adalah seperti di **Jadual 1.1** dan **Carta 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Prestasi Pengeluaran Sijil Halal Mengikut Kategori**  
**Bagi Tempoh 2011 Hingga November 2013**

Tahun	Permohonan Diterima	Permohonan Diluluskan				Jumlah Lulus	
		Rumah Sembelih	Premis Makanan	Produk Makanan Dan Bahan Gunaan	Dapur Hotel/Resort/Chalet	Bil.	(%)
2011	246	5	22	131	30	188	76.4
2012	287	8	19	198	31	256	89.2
Nov. 2013	225	9	12	163	10	194	86.2
<b>Jumlah</b>	<b>758</b>	<b>22</b>	<b>53</b>	<b>492</b>	<b>71</b>	<b>638</b>	<b>84.2</b>

Sumber: JHEAINS



Sumber: JHEAINS

**1.4.1.2.** Berdasarkan **Jadual 1.1** dan **Carta 1.1** di atas, sebanyak 638 permohonan telah dikeluarkan sijil halal manakala baki 120 permohonan lagi gagal mendapatkan sijil halal. Pengeluaran sijil halal paling tinggi adalah bagi kategori Produk Makanan Dan Bahan Gunaan iaitu sebanyak 492 atau 77.1%. Semakan Audit mendapati antara sebab permohonan tidak diluluskan adalah kerana pemohon tidak mematuhi beberapa garis panduan pensijilan halal seperti tidak mempunyai pekerja Muslim, bahan mentah tidak berlabel, tiada bilik khas untuk stor penyimpanan dan tidak membuat kawalan serangga. Selain itu, permohonan tidak diluluskan disebabkan pemohon tidak mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap seperti carta alir proses produk dan salinan penyata kewangan syarikat.

**Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran sijil halal bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah memuaskan di mana prestasi pengeluaran Sijil Halal bagi tempoh 2011 hingga 2013 mencapai 84.2% daripada sejumlah 758 permohonan yang diterima.**

#### **1.4.2. Permohonan Pensijilan Halal Lewat Diproses**

**1.4.2.1.** Secara dasarnya, garis panduan yang diikuti dalam pengurusan pensijilan halal ialah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) yang dikeluarkan oleh JAKIM. Manual ini telah dijadikan sebagai satu standard bagi

melaksanakan Pensijilan Halal Malaysia. Manual ini merangkumi prosedur yang lengkap mengenai pengurusan sijil halal daripada permohonan sijil halal, kelulusan, pemantauan dan penguatkuasaan.

**1.4.2.2.** Di peringkat JHEAINS, proses pensijilan bermula daripada permohonan diterima sehingga ke peringkat kelulusan oleh Jawatankuasa Panel Pengesahan Pensijilan Halal Negeri (Panel). Permohonan yang diterima akan disemak oleh Unit Pensijilan (Semakan) di Bahagian Penyelidikan JHEAINS untuk memastikan maklumat yang dinyatakan dalam sistem adalah benar berdasarkan dokumen sokongan yang dikemukakan. Selepas semakan, pengauditan dan lawatan ke lokasi premis akan dijalankan untuk memastikan ia telah mematuhi standard pensijilan halal. Kelulusan permohonan akan diputuskan dalam Mesyuarat Panel yang dianggotai oleh 3 pegawai daripada JHEAINS dan 7 pegawai lain daripada pelbagai Agensi Kerajaan Negeri. Sijil Pengesahan Halal akan dikeluarkan oleh ibu pejabat JAKIM berdasarkan keputusan Mesyuarat Panel tersebut. Mengikut Piagam Pelanggan Pensijilan, permohonan sijil halal yang lengkap dengan dokumen sokongan akan diproses dan dikeluarkan sijil halal oleh JAKIM dalam tempoh 40 hari.

**1.4.2.3.** Bagi tempoh 2011 hingga November 2013, sebanyak 638 permohonan sijil halal telah diluluskan. Semakan Audit terhadap 157 permohonan yang diluluskan mendapati 95 (60.5%) daripadanya telah lewat diproses antara 7 hingga 140 hari seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Tempoh Kelewatan Proses Permohonan**

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Permohonan	Peratus (%)
7 Hingga 30	50	31.8
31 Hingga 70	25	15.9
Melebihi 70 Hari	20	12.7
<b>Jumlah</b>	<b>95</b>	<b>60.5</b>

Sumber: JHEAINS

**1.4.2.4.** Semakan Audit mendapati permohonan yang lewat diproses disebabkan beberapa faktor antaranya pengauditan terhadap premis lewat dijalankan dan Jawatankuasa Panel tidak bersidang mengikut jadual. Penjelasan punca kelewatan adalah seperti di perenggan berikut:

**a. Pengauditan Premis Lewat Dijalankan**

- i. Klaus 7.3 kepada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia menyatakan bahawa pengauditan premis akan dilakukan setelah permohonan memenuhi semua syarat yang ditetapkan dan fi permohonan telah dijelaskan. Berdasarkan Piagam Pelanggan JHEAINS, pengauditan hendaklah dijalankan dalam tempoh 14 hari selepas fi permohonan dijelaskan. Laporan pengauditan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Panel untuk kelulusan.

- ii. Semakan Audit terhadap daftar pengauditan premis bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati sebanyak 26 (17.6%) daripada 148 permohonan telah lewat dijalankan pengauditan iaitu antara 7 hingga 70 hari. Sebanyak 10 (6.8%) permohonan lewat dijalankan pengauditan antara 7 hingga 16 hari, 11 (7.4%) permohonan antara 17 hingga 46 hari dan sebanyak 5 (3.4%) permohonan melebihi 47 hari. Butiran lanjut mengenai kelewatan pengauditan premis adalah seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Tempoh Kelewatan Pengauditan Premis**

Tempoh Kelewatan Pengauditan Premis (Hari)	Bilangan Permohonan	Peratus (%)
7 Hingga 16	10	6.8
17 Hingga 46	11	7.4
Melebihi 47 Hari	5	3.4
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>17.6</b>

Sumber: JHEAINS

- iii. Kelewatan menjalankan pengauditan terhadap premis antaranya disebabkan kekurangan tenaga kerja di Unit Aduan Dan Pengauditan, Bahagian Penyelidikan JHEAINS. Mengikut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, pengauditan premis hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya 2 orang pegawai iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Teknikal. Semakan Audit mendapati, pengauditan premis diketuai oleh Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan 2 orang Pegawai Hal Ehwal Islam JHEAINS (Gred S27) serta dibantu oleh pegawai teknikal (Pegawai Teknologi Makanan) dari Jabatan Kesihatan dan Inspektor Kesihatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Penggunaan pegawai teknikal daripada Jabatan/Agensi lain ini disebabkan jawatan Penolong Pegawai Teknologi Makanan (Gred C27) belum diisi oleh JHEAINS sepertimana yang diluluskan dalam perjawatan. Sehubungan itu, pihak JHEAINS sukar untuk menetapkan jadual pengauditan disebabkan oleh komitmen Pegawai Teknikal dengan tugas hakiki di Jabatan/Agensi masing-masing. Keadaan ini secara tidak langsung telah mengakibatkan kelewatan dalam proses pengeluaran pensijilan halal.
- iv. **Mengikut maklum balas JHEAINS pada 21 April 2014, proses penstrukturran Unit Pengurusan Halal masih dalam perbincangan antara JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).**

**b. Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pengesahan Pensijilan Halal Tidak Mengikut Ketetapan**

- i. Mengikut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, keahlian Mesyuarat Panel hendaklah dianggotai oleh Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Teknikal. Di peringkat JHEAINS, keahlian Panel adalah seramai 10 orang yang terdiri daripada pegawai pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan iaitu seorang daripada

JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Majlis Perbandaran Seremban, Jabatan Kesihatan, Jabatan Mufti dan Pejabat Agama Islam Daerah Seremban. Manakala 3 orang ahli Panel lagi terdiri daripada pegawai daripada JHEAINS termasuk pengerusi Panel iaitu Pengarah JHEAINS.

- ii. Panel bertanggungjawab membuat keputusan terhadap permohonan pensijilan halal sama ada melulus, menolak, menangguh permohonan atau mengarahkan pemeriksaan semula dijalankan. Mengikut norma kerja dan takwim Panel JHEAINS, mesyuarat Panel perlu diadakan pada setiap bulan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2011 sehingga 2013, mesyuarat Panel tidak diadakan mengikut ketetapan seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**

**Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pengesahan Pensijilan Halal  
Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013**

Tahun	Kekerapan Mesyuarat (Bil.)	Sebab Mesyuarat Tidak Diadakan
2011	4	Jawatankuasa Panel ditubuhkan dan Jabatan mula menggunakan sistem e-Halal mulai Ogos 2011. Juruaudit tidak dapat mencapai sasaran fail untuk dibentangkan kerana masih dalam proses pembelajaran dan latihan.
2012	10	Mesyuarat digabungkan dengan bulan berikutnya disebabkan permohonan tidak mencukupi 10 permohonan dan ketiadaan pengerusi disebabkan urusan rasmi.
2013	8	Mesyuarat digabungkan dengan bulan berikutnya disebabkan oleh permohonan tidak mencukupi 10 permohonan.

Sumber: JHEAINS

- iii. **Mengikut maklum balas JHEAINS pada 21 April 2014, tiada lagi had minimum yang ditetapkan untuk mesyuarat panel bersidang dan pengerusi di kalangan ahli akan dilantik sekiranya beliau tidak dapat hadir ke mesyuarat Panel.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan proses pensijilan halal di JHEAINS adalah kurang memuaskan kerana 110 (70%) daripada 157 permohonan lewat diproses disebabkan pengauditan premis lewat dijalankan dan mesyuarat tidak mengikut kekerapan. Sehubungan itu, JHEAINS wajar mengkaji semula berhubung bilangan minimum permohonan untuk mengadakan Mesyuarat Panel.

#### **1.4.3. Pemantauan Dan Pematuhan Syarat Pensijilan**

**1.4.3.1.** Klausu 7.4 kepada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 menyatakan bahawa pemantauan perlu dijalankan terhadap semua pengusaha yang telah mendapat Sijil Halal. Berdasarkan Piagam Pelanggan Bahagian Penyelidikan JHEAINS, pemantauan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya setahun sekali. Sekiranya terdapat sebarang ketidakakuratan syarat pensijilan yang serius, pengesahan halal boleh

ditarik balik dan bagi kesalahan yang kecil, notis peringatan hendaklah diberi kepada pengusaha terbabit.

**1.4.3.2.** Semakan Audit terhadap rekod pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak JHEAINS mendapati sebanyak 187 premis yang telah mendapat sijil halal telah dipantau pada tahun 2012 dan 163 pemantauan setakat September 2013. Manakala sebanyak 59 pemantauan telah dijalankan pada tahun 2011. Hasil pemantauan tersebut, pihak JHEAINS telah mengeluarkan sebanyak 2 penarikan balik sijil halal, 10 tindakan penggantungan sijil halal dan 260 laporan ketidakakuruan (notis peringatan). Tindakan penarikan dan penggantungan sijil halal tersebut telah melalui proses pemberian notis peringatan terlebih dahulu dan apabila tiada tindakan pembetulan diambil oleh pengusaha dalam tempoh yang ditetapkan, laporan dikemukakan kepada Panel untuk disyorkan penarikan dan penggantungan sijil.

**1.4.3.3.** Penarikan balik 2 sijil halal adalah disebabkan pengusaha tidak mematuhi syarat pensijilan seperti penggunaan bahan mentah yang menggunakan logo halal tidak diiktiraf, bahan mentah yang digunakan berbeza dengan yang diisyiharkan dalam sistem e-Halal serta sistem perparitan kurang sempurna di kawasan pemprosesan. Sijil Halal ditarik serta merta dan pengusaha perlu membuat permohonan semula untuk mendapatkannya. Sebanyak 10 tindakan penggantungan sijil halal diambil terhadap pengusaha disebabkan kesalahan seperti bahan ramuan tidak didaftarkan dalam sistem e-Halal, menghalang pegawai daripada menjalankan tugas, pencampuran bahan mentah yang masih digunakan dengan bahan yang telah tamat tempoh dan kebersihan kawasan pemprosesan kurang memuaskan di mana terdapat najis haiwan perosak serta puntung rokok. Sijil Halal akan ditarik serta merta dan pengusaha diberi tempoh 14 hari untuk mengemukakan maklum balas terhadap notis peringatan yang dikeluarkan. Jika JHEAINS berpuas hati dengan maklum balas tersebut maka Sijil Halal akan dikembalikan kepada pengusaha. Sekiranya tidak berpuas hati maka ia akan dibentangkan kepada Mesyuarat Panel untuk membuat keputusan. Manakala antara sebab laporan ketidakakuruan dikeluarkan antaranya tidak mempermerkan sijil halal, susun atur kawasan pemprosesan kurang memuaskan, bahan mentah tidak berlabel dan lantai kawasan pemprosesan yang kotor.

**1.4.3.4.** Lawatan dan pemeriksaan Audit bersama pegawai JHEAINS telah dijalankan ke atas 10 premis yang mendapat pensijilan halal di daerah Seremban, Port Dickson dan Rembau meliputi rumah sembelih, premis makanan, produk makanan dan bahan gunaan. Hasil lawatan mendapati perkara-perkara seperti berikut:

**a. Rumah Sembelih**

Manual Prosedur Pensijilan Halal menetapkan syarat khusus yang perlu dipatuhi oleh pengusaha rumah sembelih antaranya berkenaan haiwan yang disembelih, proses penyembelihan, pengendalian peralatan dan tenaga kerja. Hasil pemeriksaan Audit mendapati, operasi di rumah sembelih yang dilawati telah dilaksanakan mengikut

prosedur dan syarat-syarat pensijilan halal yang ditetapkan seperti penyembelih mempunyai sijil tauliah sembelihan, pisau sembelihan dibersihkan menggunakan air yang mengalir, pekerja memakai pakaian pelindung, mempunyai pemeriksa halal serta takungan basuh kaki diisi air bersih seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.3**. Bagaimanapun, masih terdapat kesalahan kecil yang dilakukan iaitu kebersihan kawasan pemrosesan yang kurang memuaskan di mana air sisa pembersihan ayam bertakung seperti di **Gambar 1.4**. JHEAINS telah mengeluarkan notis peringatan kepada pengusaha atas perlenggaran syarat tersebut.

**Gambar 1.1**  
Pemeriksa Ayam Yang Telah Disembelih



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: P.K Agro Industrial Products Senawang  
Tarikh: 24 Disember 2013

**Gambar 1.2**  
Pisau Sembelihan Dibersihkan Menggunakan Air Yang Mengalir



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kerabat Processing House Sdn. Bhd.  
Tarikh: 31 Disember 2013

**Gambar 1.3**  
Takungan Basuh Kaki Diisi Air Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kerabat Processing House Sdn. Bhd.  
Tarikh: 31 Disember 2013

**Gambar 1.4**  
Air Sisa Pembersihan Ayam Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rembau  
Tarikh: 31 Disember 2013

## b. Premis Makanan

Antara syarat yang ditetapkan kepada pengusaha premis makanan adalah melibatkan sumber bahan mentah/ramuan makanan dan tenaga kerja Muslim. Selain itu, pengusaha juga perlu memastikan premis makanan diurus mengikut syarat ditetapkan terutama berkaitan penyediaan dan pengendalian makanan. Hasil lawatan Audit ke atas 5 premis makanan mendapati syarat yang ditetapkan telah dipatuhi oleh

pengusaha. Antara syarat yang dipatuhi adalah bahan mentah/produk yang tidak halal diasingkan dan disimpan di stor berkunci, menggunakan bahan mentah yang telah mendapat sijil halal yang diiktiraf serta kebersihan tempat pengendalian makanan adalah memuaskan seperti di **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.7**. Bagaimanapun, terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan oleh pemilik premis seperti penggunaan bahan mentah yang tiada logo halal dan mengandungi paras alkohol yang tinggi serta tahap kebersihan yang kurang memuaskan seperti di **Gambar 1.8**. Pengusaha telah diberikan notis peringatan atas perlenggaran syarat tersebut.

**Gambar 1.5**  
**Bahan Ramuan Dengan Sijil Halal Diiktiraf**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Double Q, Port Dickson  
Tarikh: 31 Disember 2013

**Gambar 1.7**  
**Tempat Pengendalian Makanan Yang Kemas Dan Bersih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel Royale Bintang Seremban  
Tarikh: 23 Disember 2013

**Gambar 1.6**  
**Pengasingan Bahan Mentah Tidak Halal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel Royale Bintang, Seremban  
Tarikh: 23 Disember 2013

**Gambar 1.8**  
**Penggunaan Bahan Mentah Mengandungi Kandungan Alkohol Yang Tinggi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Port Dickson  
Tarikh: 31 Disember 2013

### c. Produk Makanan Dan Bahan Gunaan

Syarat pensijilan yang perlu dipatuhi antaranya adalah penggunaan sumber bahan mentah yang halal dan selamat, disimpan dalam stor yang berasingan serta tidak bercampur dengan bahan yang tidak halal. Lawatan Audit terhadap 3 premis produk makanan mendapati pengusaha telah mematuhi syarat pensijilan seperti penggunaan bahan mentah yang mempunyai logo halal diiktiraf, kebersihan lantai dan kawasan

pemprosesan memuaskan, pekerja memakai pakaian pelindung serta stor penyimpanan bahan mentah teratur dan dilabel seperti di **Gambar 1.9** hingga **Gambar 1.11**. Bagaimanapun, terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan oleh pemilik premis seperti kawalan serangga perosak tidak memuaskan dan pengusaha menjual produk siap daripada pengeluar lain yang menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf seperti di **Gambar 1.12**. JHEAINS telah mengeluarkan notis peringatan kepada pengusaha atas perlanggaran syarat tersebut.

**Gambar 1.9**  
**Bahan Ramuan Mempunyai Logo Halal Diiktiraf**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Norisz Enterprise  
Tarikh: 24 Disember 2013

**Gambar 1.10**  
**Kawasan Pemprosesan Yang Teratur Dan Bersih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PD Delimee Port Dickson  
Tarikh: 31 Disember 2013

**Gambar 1.11**  
**Stor Penyimpanan Bahan Mentah Teratur Dan Dilabelkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Zees Valley Bioscience Enterprise  
Tarikh: 24 Disember 2013

**Gambar 1.12**  
**Penjualan Bahan Gunaan Siap Yang Menggunakan Logo Halal Tidak Diiktiraf**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Port Dickson  
Tarikh: 31 Disember 2013

**1.4.3.5. Mengikut maklum balas JHEAINS pada 21 April 2014, JHEAINS telah menjalankan lawatan susulan terhadap pengusaha yang dikeluarkan notis peringatan bagi memastikan pengusaha tersebut mengambil tindakan pembetulan terhadap ketidakakururan syarat pensijilan halal.**

**Pada pendapat Audit, pemantauan dan pematuhan kepada syarat pensijilan halal terhadap pengusaha yang telah dikeluarkan Pensijilan Halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa perlanggaran syarat yang menyebabkan penarikan semula dan penggantungan sijil halal yang dikeluarkan.**

#### **1.4.4. Promosi Dan Hebahan Pensijilan Halal**

Tidak ada undang-undang yang menghendaki pengusaha sama ada dalam sektor premis makanan, pengeluar produk/bahan gunaan dan rumah sembelih bagi mendapatkan pensijilan halal. Memandangkan kesedaran rakyat terhadap produk halal semakin meningkat, pihak JHEAINS dengan kerjasama lain-lain agensi yang berkaitan telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan hebahan terhadap industri halal. Aktiviti promosi yang dilaksanakan antaranya adalah melalui penganjuran seminar dan bengkel pensijilan halal serta pameran produk halal. Pada tahun 2011 hingga 2013, pihak JHEAINS telah menganjur dan mengadakan sebanyak 33 kali seminar dan bengkel serta pameran produk dan barang gunaan halal di sekitar Seremban, Port Dickson, Nilai, Jelebu dan Rembau. Usaha ini dilakukan adalah bagi meningkatkan kesedaran kepada pengusaha dan pengguna terhadap pensijilan halal.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan promosi dan hebahan mengenai pensijilan halal adalah memuaskan dan perlu diperhebat bagi meningkatkan kesedaran pengusaha dan pengguna terhadap pensijilan halal. Memandangkan bilangan premis makanan yang mendapat sijil halal adalah amat sedikit berbanding dengan jumlah premis di seluruh negeri, JHEAINS juga perlu melaksanakannya secara terancang dan meliputi semua daerah.**

#### **1.4.5. Maklum Balas Awam**

**1.4.5.1. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada pengguna bagi mendapatkan maklum balas berkaitan kesedaran pengguna terhadap Sijil dan Logo Halal. Soal selidik tersebut telah diedarkan kepada 100 orang responden yang terdiri daripada orang awam dan sebanyak 98 orang responden telah memberikan maklum balas. Analisis terhadap maklum balas mendapati secara keseluruhannya pengguna peka terhadap kepentingan Sijil dan Logo Halal. Bagaimanapun, sebanyak 88.8% pengguna menyatakan promosi dan hebahan berkaitan pensijilan halal masih belum mencukupi dan meluas. Maklum balas pengguna terhadap pensijilan halal adalah seperti di Jadual 1.5.**

**Jadual 1.5****Maklum Balas Terhadap Tahap Kesedaran Pengguna Terhadap Sijil Dan Logo Halal**

Bil.	Perihal	Penilaian (%)	
		Ya	Tidak
1.	Pengetahuan Mengenai Pihak Berwajib Dalam Pengeluaran Sijil dan Logo Halal Malaysia Dan Luar Negara.	93.9	6.1
2.	Melayari laman web JAKIM untuk mendapatkan maklumat pensijilan halal.	45.9	54.1
3.	Kepekaan Pengguna Terhadap Memilih Produk Yang Mempunyai Logo Halal.	95.9	3.1
4.	Pengenalpastian Terhadap Logo Halal Malaysia	90.8	9.2
5.	Promosi/Hebahan Mengenai Perkara Halal Adalah Mencukupi Dan Meluas.	11.2	88.8
6.	Tindakan Undang-undang Yang Tegas Perlu Diambil Oleh Pihak Berkuasa Terhadap Pengusaha Yang Melanggar Syarat Pensijilan Halal.	90.8	9.2

Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.4.5.2.** Soal selidik tersebut juga memberi ruang kepada responden untuk mengemukakan pandangan dan pendapat berkaitan Pensijilan Halal di Negeri Sembilan. Antara pandangan yang dikemukakan oleh responden adalah seperti berikut:

- a. Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan mengejut dengan lebih kerap dan konsisten.
- b. Menggiatkan hebahan dan aktiviti promosi berkaitan pensijilan halal dengan lebih menyeluruh.
- c. Sentiasa kemas kini maklumat berkaitan sijil halal di media massa atau elektronik.
- d. Memberikan maklumat kepada pengusaha premis berkaitan kepentingan pensijilan halal.

## 1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pelaksanaan pensijilan halal dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan mengambil tindakan seperti berikut:

**1.5.1.** Mengambil tindakan pengisian jawatan Penolong Pegawai Teknologi Makanan bagi memastikan proses pengauditan premis dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

**1.5.2.** Memastikan aktiviti pemantauan terhadap premis yang telah mendapat sijil halal dijalankan secara lebih menyeluruh agar syarat pensijilan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

**1.5.3.** Bekerjasama bersama Pihak Berkuasa Tempatan agar dapat menetapkan syarat untuk mendapatkan sijil halal sebagai salah satu syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapatkan lesen perniagaan atau memperbaharui lesen perniagaan bagi premis makanan/pengeluar produk/bahan gunaan.

**1.5.4.** Aktiviti promosi dan hebahan boleh dipergiatkan lagi bagi meningkatkan kesedaran terhadap pensijilan halal kepada pengusaha dan juga pengguna.

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

### 2. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN

#### 2.1. LATAR BELAKANG

**2.1.1.** Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (Jabatan) adalah bertanggungjawab dalam pembangunan industri ternakan di Negeri Sembilan. Fungsi utama Jabatan adalah berkaitan pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan ternakan; pengawalan, pencegahan dan penghapusan penyakit haiwan, kuarantin dan penyelidikan; pengwujudan latihan bagi industri ternakan; pengawalan import dan eksport ternakan dan hasil ternakan; pemeriksaan daging, susu, telur dan pengawalan tempat penyembelihan; dan pengembangan pengeluaran dan kesihatan ternakan. Jabatan melalui Unit Industri Ternakan (UIT) telah memperkenalkan Program Pembangunan Industri Ternakan (Program) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Objektif program ini adalah untuk:

- Melahirkan usahawan ternak yang berdaya maju dan berdaya saing.
- Meningkatkan pengeluaran daging secara integrasi dan fidlot.
- Mewujudkan kawasan bebas penyakit.
- Pemantapan penyampaian perkhidmatan veterinar.
- Transformasi penternak ke tahap komersil.

**2.1.2.** Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM8.38 juta peruntukan telah diterima daripada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan Program ini dan sejumlah RM8.34 juta telah dibelanjakan. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2011 – 2013**

Bil.	Projek	Peruntukan		
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Pembangunan Industri Ternakan Kambing/Bebiri	0.60	0.68	0.68
2.	Pembangunan Industri Ternakan Rusa	0.32	0.32	0.32
3.	Pembangunan Industri Ternakan Lembu, Lembu Daging/Kerbau	1.61	1.67	1.76
4.	Pembangunan Industri Anika Haiwan	0.10	0.16	0.16
<b>Jumlah Peruntukan</b>		<b>2.63</b>	<b>2.83</b>	<b>2.92</b>
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>2.63</b>	<b>2.79</b>	<b>2.91</b>
<b>Peratus Perbelanjaan (%)</b>		<b>100%</b>	<b>98.6%</b>	<b>99.7%</b>

Sumber: Rekod Jabatan

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan telah diuruskan dengan cekap, teratur dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan pengurusan Program melibatkan industri lembu, kerbau dan kambing serta bebiri bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri serta di 2 Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah iaitu Jelebu dan Seremban. Metodologi pengauditan adalah melalui semakan rekod dan dokumen, analisis maklumat serta temu bual dengan pegawai Jabatan. Selain itu, soal selidik kepada penternak serta lawatan ke kawasan ternakan turut dilakukan.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 terhadap Program Pembangunan Industri Ternakan mendapati peratus perbelanjaan bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah baik iaitu antara 98.6% hingga 100%. Terdapat antara penternak yang terlibat dalam Program ini telah berjaya menambah bilangan ternakan mereka. Pendapatan sebilangan penternak juga telah bertambah baik setelah menyertai Program ini. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek pengurusan Program yang kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan telah ditemui seperti dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Tiada kaedah jelas bagi menilai prestasi pelaksanaan program.
- Prestasi pemulangan ternakan mengikut perjanjian kurang memuaskan.
- Perbelanjaan tidak mengikut perancangan.
- Tiada kajian pasaran bagi perolehan melalui tender dan sebut harga.
- Pengurusan rekod dan maklumat kurang memuaskan.
- Tiada program pemantauan secara berkala.

### **2.4.1. Prestasi Pelaksanaan Program**

#### **2.4.1.1. Tiada Kaedah Jelas Bagi Menilai Prestasi Pelaksanaan Program**

- a. Surat Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Bil. 2 Tahun 2010; Garis Panduan Perbelanjaan Mengurus/Pembangunan 2011 menyatakan Pegawai Pengawal hendaklah memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi dan

berkala supaya projek dilaksanakan mengikut jadual, mencapai matlamat dan rakyat mendapat manfaat seperti yang dirancang.

- b. Program ini dilaksanakan melalui satu skim yang dipanggil Skim Pinjaman Tanpa Faedah (PINTAF) di mana penternak yang layak akan mendapat pinjaman tanpa faedah dalam bentuk ternakan. Skim ini merupakan kesinambungan daripada Skim Pawah yang telah diperkenalkan sejak tahun 1960an. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, seramai 330 orang penternak yang layak telah dipilih menyertai skim ini dan sebanyak 3,254 ekor binatang ternakan telah diagihkan seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**

**Jumlah Penternak Yang Terpilih Dan Bilangan Ternakan Yang Diagihkan**

Jenis Ternakan	2011		2012		2013	
	Bil. Penternak	Bil. Ternakan	Bil. Penternak	Bil. Ternakan	Bil. Penternak	Bil. Ternakan
Lembu Pedaging	42	341	42	360	43	225
Lembu Tenusu	14	70	13	73	13	60
Kambing	56	402	25	426	16	250
Bebiri	29	378	19	419	18	250
<b>Jumlah</b>	<b>141</b>	<b>1,191</b>	<b>99</b>	<b>1,278</b>	<b>90</b>	<b>785</b>

Sumber: Rekod Jabatan

- c. Semakan Audit mendapati Jabatan ada menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) tahunan yang menyasarkan jumlah penternak yang akan menerima bantuan Skim PINTAF namun tiada satu kaedah yang jelas menggambarkan tahap pencapaian dan prestasi Program dari segi pencapaian objektif dan juga sasarannya. Perancangan tanpa hala tuju dan sasaran yang jelas akan menyukarkan Jabatan untuk mengukur keberkesanan perlaksanaannya atau impak kepada golongan sasar serta pada masa yang sama menyukarkan proses pemantauan dan prestasi sesuatu program tersebut. Lawatan Audit ke beberapa ladang penternak di sekitar Seremban dan Jelebu mendapati Program ini telah dilaksanakan oleh penternak seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

**Gambar 2.1**  
**Ladang Penternak Lembu Di Bawah Skim PINTAF/PAWAH**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jelebu  
Tarikh: 25 November 2013

**Gambar 2.2**  
**Ladang Penternak Kambing Di Bawah Skim PINTAF/PAWAH**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seremban  
Tarikh: 12 November 2013

- d. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada penternak yang menyertai Program bagi mendapat maklum balas terhadap pelaksanaan Program. Berdasarkan maklum balas soal selidik yang diterima daripada 45 orang responden menyatakan bahawa ternakan mereka telah bertambah dan berkembang biak setelah mengikuti skim PINTAF. Secara keseluruhannya 45 orang responden menyatakan bahawa bilangan ternakan mereka telah meningkat dengan purata peningkatan sehingga 61% daripada jumlah asal selepas mengikuti Skim PINTAF. Butiran lanjut mengenai maklum balas hasil soal selidik adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Maklum Balas Soal Selidik Berkaitan Status Semasa Bilangan Ternakan Peserta/Penternak Di Bawah Skim PINTAF**

Jenis Ternakan	Bil. Penternak	Bil. Ternakan Sebelum Mengikuti Skim PINTAF	Bil. Ternakan Selepas Mengikuti Skim PINTAF	Perubahan (%)
Lembu Pedaging & Lembu Tenusu	20	573	1,214	111.9
Kambing & Bebiri	25	719	866	20.4
<b>Jumlah</b>	<b>45</b>	<b>1,292</b>	<b>2,080</b>	<b>61.0</b>

Sumber: Soal Selidik

- e. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 24 Februari 2014, menyatakan objektif dan sasaran/kriteria yang jelas bagi menilai prestasi program dan langkah diambil bagi mencapai objektif dan sasaran tersebut sedang disediakan. Jabatan akan memastikan setiap program yang dirancang akan mempunyai objektif dan sasaran/kriteria yang jelas bagi menilai prestasi program dan langkah diambil bagi mencapai objektif dan sasaran tersebut.**

#### 2.4.1.2. Prestasi Pemulangan Ternakan Mengikut Perjanjian Kurang Memuaskan

- a. Terdapat 4 jenis perjanjian Program yang disediakan oleh pihak Jabatan kepada penternak berdasarkan jenis ternakan yang diterima oleh penternak. Perjanjian tersebut ialah Perjanjian Skim Pawah/PINTAF, Perjanjian Memelihara Baka, Perjanjian Pawah Lembu Betina dan Perjanjian Pinjaman Lembu/Kerbau Baka (Jantan). Antara terma perjanjian ini ialah tanggungjawab penternak untuk menyerahkan kembali anak ternakan yang diterima kepada Kerajaan Negeri atau wakilnya dengan tempoh perjanjian di antara 1 hingga 5 tahun bergantung kepada jenis ternakan yang terlibat. Berdasarkan Manual Prosedur Kerja Pengurusan Projek PINTAF/Pawah, segala urusan perolehan dan juga perancangan program adalah di bawah bidang kuasa Jabatan yang dilaksanakan oleh UIT. Manakala proses pemilihan peserta, penilaian, pemantauan dan juga penyelesaian perjanjian diuruskan oleh Pejabat Veterinar Daerah (PWD). PWD akan menjalankan segala urusan pemantauan dan menghantar laporan yang berkaitan kepada Jabatan. Bilangan penternak skim PINTAF/Pawah dan bilangan ternakan yang diagihkan serta rekod pemulangan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4

Rekod Agihan Dan Pemulangan Ternakan Skim PINTAF Seluruh Negeri Sembilan

Tahun	Penternak			Ternakan		
	Bil. Penternak	Bil. Penternak Pulang Ternakan	Pemulangan Ternakan Mengikut Penternak (%)	Bil. Ternakan Diagihkan	Bil. Ternakan Dipulangkan	Pemulangan Ternakan (%)
2008	85	15	17.6	538	105	19.5
2009	121	32	26.4	989	108	10.9
2010	100	6	6.0	795	40	5.0
2011	131	6	4.6	1,137	20	1.8
2012	105	3	2.9	1,333	42	3.2
2013	88	0	0.0	804	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>630</b>	<b>62</b>	<b>9.8</b>	<b>5,596</b>	<b>315</b>	<b>5.6</b>

Sumber: Rekod Jabatan

- b. Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhannya hanya 62 orang penternak (9.8%) daripada 630 orang penternak yang menerima skim PINTAF/Pawah telah memulangkan ternakan mengikut perjanjian yang ditandatangani. Ini melibatkan sebanyak 315 ekor ternakan (5.6%) daripada 5,596 ternakan yang telah diagihkan bagi tempoh sepanjang 2008 hingga 2013. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak mengemas kini rekod pemulangan ternakan mengikut penternak yang terpilih berdasarkan tahun terima dan perjanjian yang ditandatangani. Oleh itu pihak Audit tidak dapat menentukan pemulangan ternakan mengikut perjanjian yang ditandatangani. Semakan selanjutnya mendapati tiada sebarang bukti menunjukkan sebarang bentuk lawatan pemantauan, penyiasatan dan juga penguatkuasaan oleh pihak Jabatan dan PVD dalam memastikan penternak yang terlibat memulangkan ternakan seperti yang telah dipersetujui dalam perjanjian.
- c. Kegagalan dalam mendapatkan balik ternakan mengikut perjanjian akan menjelaskan kelangsungan program dalam jangka panjang. Jabatan akan sentiasa bergantung kepada dana Kerajaan Negeri bagi meneruskan program. Sebaliknya, jika peratus pemulangan ternakan tinggi maka ia dapat diserahkan kepada penternak baru yang layak.
- d. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 24 Februari 2014 menyatakan, PVD sedang membuat penilaian semula bagi setiap penerima program dari tahun 2009 hingga 2013 untuk melihat prestasi pemulangan dan penamatan perjanjian dengan lebih jelas. Jabatan mensasarkan 75% perjanjian diselesaikan pada satu-satu tahun perjanjian bagi setiap daerah. Mesyuarat pemantauan program di peringkat daerah akan diadakan setiap bulan dan di peringkat negeri, akan diadakan sekali dalam 2 bulan.**

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan program adalah kurang memuaskan di mana tidak ada satu objektif dan sasaran yang jelas ditetapkan bagi menilai prestasi program dan langkah yang diambil bagi mencapai objektif dan sasaran tersebut. Selain itu, penguatkuasaan terhadap perjanjian PINTAF kepada penternak tidak dilaksanakan bagi meningkatkan peratusan pemulangan ternakan.

## **2.4.2. Pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan**

### **2.4.2.1. Perbelanjaan Tidak Mengikut Perancangan**

- a. Berdasarkan Kertas Bajet Pembangunan 2011 dan 2012 serta Senarai Projek Pembangunan 2013, peruntukan di bawah Program Pembangunan Industri Ternakan adalah bagi perolehan baka ternakan, skim bimbingan usahawan dan transformasi penternak, perolehan makanan, vaksin dan ubatan, dan peralatan dan harta modal. Ringkasan jumlah peruntukan adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**

**Peruntukan Di Bawah Program Pembangunan Industri Ternakan  
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Program	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Pembangunan Industri Ternakan Kambing/Bebiri	0.60	0.68	0.68
2.	Pembangunan Industri Ternakan Rusa	0.32	0.32	0.32
3.	Pembangunan Industri Ternakan Lembu/Kerbau	1.61	1.67	1.76
4.	Pembangunan Industri Anika Haiwan	0.10	0.16	0.16
<b>Jumlah</b>		<b>2.60</b>	<b>2.83</b>	<b>2.92</b>

Sumber: Rekod Jabatan

- b. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi tahun 2011 hingga Ogos 2013 mendapati Jabatan telah menggunakan sebahagian peruntukan di bawah Program untuk aktiviti yang tidak berkaitan secara langsung dengan Program. Perbelanjaan yang dilakukan adalah bagi pembelian makanan ternakan serta keperluan ternakan yang diletakkan di dalam kawasan Jabatan yang mana masing-masing berjumlah RM0.67 juta (2011), RM0.61 juta (2012) dan RM0.16 juta (hingga Ogos 2013). Keadaan ini berlaku kerana pihak Jabatan tiada perancangan terhadap Program secara terperinci dari segi bilangan penternak serta jumlah ternakan yang akan diagihkan. Memandangkan perbelanjaan di atas merupakan keperluan setiap tahun, maka peruntukan khusus perlu dibuat bagi pembelian makanan dan keperluan ternakan tersebut. Dengan ini, ia tidak akan menjaskankan peruntukan bagi program lain yang telah dirancang.
- c. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 24 Februari 2014, menyatakan perbelanjaan yang diperuntukkan untuk tahun 2014 ini akan diurus dengan baik dan digunakan bagi keperluan program berkaitan pembangunan industri ternakan. Jabatan akan memastikan setiap teguran berkaitan perolehan kerajaan ini mengikut tatacara yang telah ditetapkan pada masa akan datang.**

### **2.4.2.2. Tiada Kajian Pasaran Bagi Perolehan Melalui Tender Dan Sebut Harga**

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 169, setiap pegawai yang menguruskan perolehan perlu membuat kajian pasaran yang berpatutan supaya perolehan itu adalah yang paling sesuai dan menguntungkan. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor yang berkaitan. Semakan

Audit mendapati tidak ada kajian pasaran dijalankan oleh Jabatan terhadap perolehan ternakan bagi tahun 2011 hingga 2013 yang melibatkan 18 sebut harga dan satu tender dengan nilai perolehan sejumlah RM6.62 juta. Kegagalan menjalankan kajian pasaran akan menyebabkan Jabatan tidak dapat menilai sesuatu harga yang ditawarkan mengikut harga pasaran semasa dan hanya bergantung kepada harga tawaran penyebut harga sahaja. Butiran tender dan sebut harga yang terlibat adalah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**

**Bilangan Sebut Harga Dan Tender Yang Tiada Kajian Pasaran**

Tahun	Kaedah Perolehan	Bilangan	Amaun Perolehan (RM Juta)
2011	Sebut Harga	5	1.94
2012	Tender	1	0.93
	Sebut Harga	3	1.13
2013	Sebut Harga	10	2.62
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>6.62</b>

Sumber: Rekod Jabatan

- b. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 24 Februari 2014, menyatakan beberapa sebut harga telah diperoleh daripada pembekal ternakan bagi tujuan kajian pasaran. Jabatan akan memastikan setiap teguran berkaitan perolehan kerajaan ini mengikut tatacara yang telah ditetapkan pada masa akan datang.**

#### **2.4.2.3. Pengurusan Rekod Dan Maklumat Kurang Memuaskan**

##### **a. Baucar Bayaran Bagi Tahun 2011 Hilang**

Arahan Perbendaharaan 99(a) menetapkan semua baucar hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan Arahan Perbendaharaan 150 (i) menghendaki semua rekod kewangan dan perakaunan hendaklah disimpan dengan cermat. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati sebanyak 5 baucar bayaran pada tahun 2011 berkaitan pembelian ternakan melalui sebut harga telah hilang dalam simpanan berserta dokumen sokongan seperti di **Jadual 2.7**. Berdasarkan salinan baucar bayaran yang dikemukakan, baucar bayaran tersebut adalah bagi perolehan ternakan untuk Program ini yang berjumlah RM1.94 juta. Tanpa dokumen sokongan tersebut, maka Audit tidak dapat mengesahkan jumlah ternakan yang diperoleh kerana ia tidak dinyatakan dalam baucar bayaran tersebut. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada ternakan yang diperoleh telah menjalani pemeriksaan kesihatan, vaksinasi dan ujian darah kerana semua dokumen sokongan berkaitan dikepalkan bersama baucar bayaran yang hilang tersebut. Dokumen-dokumen ini tidak sepatutnya hilang dan pegawai yang bertanggungjawab harus dikenakan tindakan di atas kecuaian yang berlaku.

**Jadual 2.7**  
**Senarai Baucar Bayaran Tahun 2011 Yang Hilang**

Bil.	Tarikh Baucar	No. Baucar Bayaran	Perihal	Jumlah (RM Juta)
1.	4.7.2011	V0000819	Bayaran membekalkan lembu betina dan lembu pejantan kacukan Brahman untuk program pembiakan Jabatan	0.48
2.	18.8.2011	V0001172	Bayaran membekalkan lembu betina dan lembu pejantan kacukan Kedah/Kelantan untuk program pembiakan	0.48
3.	19.8.2011	V0001184	Bayaran membekalkan lembu induk betina dan jantan kacukan Fresian untuk program pengeluaran susu dan pembiakan	0.47
4.	19.8.2011	V0001185	Bayaran membekalkan kambing pejantan dan betina baka kacukan tempatan untuk program pembiakan	0.25
5.	8.9.2011	V0001235	Bayaran membekalkan bebiri pejantan dan induk betina kacukan tempatan untuk program pembiakan	0.26
<b>Jumlah</b>				<b>1.94</b>

Sumber: Rekod Jabatan

**b. Kehilangan Buku Stok Ternakan**

MPK bagi pengurusan projek ternakan PINTAF/PAWAH menetapkan proses pengagihan ternakan daripada pihak Jabatan kepada penerima bantuan melibatkan beberapa proses dan dokumentasi yang perlu disedia dan diselenggarakan antaranya adalah Buku Stok. Buku Stok mengandungi maklumat seperti bilangan ternakan, tarikh ternakan diterima, tarikh ternakan diagihkan, bilangan ternakan yang diagihkan kepada setiap penerima, nombor tag ternakan, nama penerima bantuan agihan ternakan, baki ternakan semasa dan status pemulangan ternakan. Semakan Audit mendapati Buku Stok yang disediakan oleh Jabatan telah didapati hilang daripada simpanan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan terhadap perolehan, pengagihan dan pemulangan ternakan berdasarkan rekod Jabatan bagi tahun 2012 dan sebelumnya. Selepas teguran Audit, pihak Jabatan telah mengambil tindakan menyediakan semula Buku Stok ternakan bagi tahun 2013 yang mengandungi maklumat seperti nama pembekal, bilangan ternakan diterima, diagihkan dan baki ternakan semasa. Bagaimanapun, maklumat keseluruhan program bagi tahun 2012 dan sebelumnya tidak direkodkan semula.

**c. Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 24 Februari 2014, Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengemukakan salinan baucar bayaran dan Pesanan Kerajaan, bagaimanapun dokumen sokongan tidak dapat disertakan kerana tiada salinan disimpan bagi baucar yang hilang tersebut. Salinan dokumen sokongan akan dibuat bagi perolehan akan datang. Tempat penyimpanan dokumen berkaitan perolehan juga telah dinaiktarafkan dan Jabatan juga telah melaksanakan rekod pergerakan fail. Manakala Buku Stok telah disimpan di dalam almari berkunci dan melaksanakan rekod pergerakan fail serta memastikan pegawai bertanggungjawab sentiasa mengemas kini Buku Stok.**

#### **2.4.2.4. Tiada Program Pemantauan Secara Berkala**

##### **a. Tiada Mesyuarat Pemantauan Program**

Surat Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Bil. 2 Tahun 2010 (Garis Panduan Perbelanjaan Mengurus/Pembangunan 2011) menyatakan Pegawai Pengawal hendaklah memantau perlaksanaan projek pembangunan dengan rapi dan berkala supaya projek dilaksanakan mengikut jadual, mencapai matlamat dan rakyat mendapat manfaat seperti yang dirancang. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan satu mekanisme pemantauan khusus seperti mesyuarat pemantauan bagi memastikan pelaksanaannya mencapai matlamat program antaranya membentuk usahawan ternak yang berdaya maju dan berdaya saing dan mentransformasikan penternak ke tahap komersil.

##### **b. Siasatan Terhadap Aduan Dan Kematian Ternakan Tidak Dijalankan**


- i. Menurut perjanjian program, jika ternakan yang dipawahkan itu mati disebabkan oleh kelalaian atau kecuaian pihak penternak maka mereka bertanggungjawab atas kematian ternakan tersebut dan dikehendaki membayar balik kepada Kerajaan dengan harga yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan. Sebaliknya, jika ternakan mati dalam tempoh perjanjian ini disebabkan oleh penyakit atau kemalangan atau sebagainya maka Kerajaan tidak akan membayar apa-apa sagu hati atau ganti rugi dan penternak tidak berhak membuat apa-apa tuntutan.
- ii. Semakan Audit mendapati tiada sebarang laporan atau siasatan dijalankan terhadap aduan kematian ternakan oleh penternak. Tiada bukti menunjukkan sebarang lawatan berkala dijalankan oleh pihak Jabatan terhadap penternak yang menyertai Program ini. Rekod Jabatan menunjukkan jumlah ternakan mati dari tahun 2011 hingga 2013 bagi daerah Seremban adalah sebanyak 45 ekor dan 47 ekor bagi daerah Jelebu. Bagaimanapun, berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan oleh pihak Audit, seramai 29 daripada 45 orang responden ada melaporkan kematian ternakan. Maklum balas daripada soal selidik tersebut menunjukkan bilangan ternakan mati dari tahun 2011 hingga 2013 adalah sebanyak 470 ekor iaitu 196 ekor di daerah Seremban dan 274 ekor di daerah Jelebu. Dengan ini, terdapat perbezaan jumlah ternakan mati antara rekod Jabatan dan hasil soal selidik. Antara punca kematian ternakan yang diberikan oleh penternak adalah antaranya ketidakserasan tempat ternakan, kembung dan cirit, demam, sakit paru-paru dan mati ketika beranak.
- c. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 24 Februari 2014, menyatakan mesyuarat pemantauan program di peringkat daerah akan diadakan setiap bulan dan laporan perlu dihantar ke Bahagian Industri Ternakan. Manakala di peringkat negeri, mesyuarat pemantauan akan diadakan sekali dalam tempoh 2 bulan. Pihak PVD akan menjalankan pemantauan secara berkala kepada semua penerima skim ini agar program dapat dinilai dengan lebih tepat.**

Pada pendapat Audit, pengurusan program adalah kurang memuaskan kerana kelemahan dalam proses perolehan, perbelanjaan tanpa perancangan, rancangan program yang tidak jelas, pengurusan rekod dan maklumat yang tidak memuaskan dan tiada program pemantauan berkala dijalankan.

#### 2.4.3. Soal Selidik

**2.4.3.1.** Bagi menilai tahap keberkesanan program Pembangunan Industri Ternakan oleh Jabatan, Soal Selidik telah diedarkan kepada seramai 103 responden yang terdiri daripada penerima bantuan di bawah Skim PINTAF di daerah Seremban dan Jelebu. Daripada 103 soal selidik yang diedarkan, pihak Audit menerima maklum balas sebanyak 45 soal selidik atau 44% daripada responden. Soal Selidik ini bertujuan untuk memperoleh maklum balas peserta terhadap keberkesanan Program.

**2.4.3.2.** Analisis Audit terhadap 45 responden mendapati 27 penternak (60%) terlibat dengan skim PINTAF secara sepenuh masa manakala 18 penternak (40%) terlibat secara separuh masa. Seramai 11 responden (24.4%) menyatakan pendapatan mereka melebihi RM1,000 ke atas sebelum mengikuti skim PINTAF dan seramai 23 responden (51.1%) menyatakan mereka memperoleh pendapatan melebihi RM1,000 ke atas selepas mengikuti skim PINTAF. Selain itu, seramai 35 responden (77.8%) menyatakan program ini membantu meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi penternak manakala 10 responden (22.2%) mengatakan sebaliknya. Maklum balas hasil daripada soal selidik yang dijalankan adalah seperti di **Carta 2.1**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

**2.4.3.3.** Bagi menambah baik Program ini, antara cadangan yang diberikan oleh responden adalah seperti berikut:

- a. Memastikan ternakan berada dalam keadaan sihat sebelum diagihkan.
- b. Pemantauan dan lawatan oleh Pegawai Veterinar secara berterusan.
- c. Menghasilkan daging sejuk beku daripada penternak tempatan.

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan Program ini adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan mengambil tindakan seperti berikut:

**2.5.1.** Menetapkan sasaran Program yang jelas bagi membolehkan Jabatan menilai prestasi Program yang dilaksanakan.

**2.5.2.** Penguatkuasaan terhadap perjanjian PINTAF kepada penternak bagi memastikan pemulangan ternakan dibuat mengikut perjanjian. Selain itu, Jabatan hendaklah meningkatkan pemantauan dengan membuat lawatan secara berkala terhadap pelaksanaan Program.

**2.5.3.** Rekod berkaitan Program hendaklah disimpan dengan baik untuk tujuan semakan dan pemantauan.

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH

### 3. PENGENDALIAN KES SYARIAH

#### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) ditubuhkan berdasarkan kepada Sek. 41(1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan pada 1960. Objektif penubuhan JKSNS antaranya adalah untuk mengendalikan kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan berasaskan bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang dan perlembagaan selaras dengan kehendak serta prinsip Islam. JKSNS terdiri daripada 3 kategori mahkamah iaitu Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS), Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan Mahkamah Rendah Syariah (MRS).

**3.1.2.** Bidang kuasa JKSNS adalah untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan kes mal, kes jenayah dan kes faraid berdasarkan punca kuasa yang diberikan di bawah undang-undang dan enakmen yang berkuat kuasa antaranya Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

**3.1.3.** Bidang kuasa MRyS adalah untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh MTS dalam menjalankan bidang kuasa asalnya. Bidang kuasa MTS pula adalah bagi membicarakan dan menjatuhkan hukuman terhadap individu beragama Islam di atas kesalahan jenayah yang dilakukan iaitu kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam seperti khalwat, persetubuhan di luar nikah, minum arak dan poligami tanpa kebenaran. Selain itu MTS juga mengendalikan kesalahan Mal iaitu kesalahan berkaitan perhubungan antara suami dan isteri seperti pertunangan, perkahwinan, penceraian, pembubaran perkahwinan, tuntutan harta sepencarian, tuntutan nafkah dan tuntutan hak penjagaan anak. Manakala bidang kuasa MRS pula adalah untuk membicarakan dan memutuskan kesalahan jenayah dengan hukuman maksimum tidak melebihi RM3,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kes Mal pula, amaun yang menjadi pertikaian hendaklah tidak melebihi RM100,000 kecuali kes tuntutan penjagaan anak (hadhanah) dan tuntutan harta sepencarian.

**3.1.4.** Berdasarkan laporan yang diselenggarakan oleh JKSNS, sejumlah 15,361 kes Mal dan 2,872 kes Jenayah telah didaftarkan pada tahun 2011 hingga 2013. Sebanyak 15,296 kes Mal dan 2,630 kes Jenayah telah berjaya diselesaikan pada tahun 2011 hingga 2013. Manakala sebanyak 1,449 kes Mal dan 1,007 kes Jenayah masih tertangguh pada akhir tahun 2013 seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1****Jumlah Kes Mal Dan Jenayah Di JKSNS Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Perkara	Bilangan Kes							
	2011		2012		2013		Jumlah	
	Mal	Jenayah	Mal	Jenayah	Mal	Jenayah	Mal	Jenayah
Baki Kes Tahun Sebelum	1,384	765	1,553	574	1,752	925	4,689	2,264
Kes Didaftar	5,246	291	5,075	1,100	5,040	1,481	15,361	2,872
<b>Jumlah</b>	<b>6,630</b>	<b>1,056</b>	<b>6,628</b>	<b>1,674</b>	<b>6,792</b>	<b>2,406</b>	<b>20,050</b>	<b>5,136</b>
Kes Selesai	5,077	482	4,876	749	5,343	1,399	15,296	2,630
Kes Tertangguh	1,553	574	1,752	925	1,449	1,007	1,449	1,007

Sumber: JKSNS

### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengendalian kes syariah telah dikendalikan dengan cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

### 3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan pengendalian kes syariah meliputi kes Mal dan Jenayah bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan yang dijalankan di JKSNS merangkumi Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah di 3 daerah iaitu Seremban, Port Dickson dan Tampin. Semakan Audit merangkumi rekod, dokumentasi, analisis terhadap data dan maklumat yang terkandung dalam laporan, minit mesyuarat, fail dan dokumen berkaitan dengan pengendalian kes. Sampel pengauditan terdiri daripada 43 fail kes yang masih tertunggak pada tahun 2013 dan 235 fail yang didaftarkan bagi tahun 2011 hingga 2013. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan juga dilakukan. Borang soal selidik turut diedarkan kepada orang awam yang berurusan dengan Jabatan untuk menilai kualiti perkhidmatan pengurusan pengendalian kes.

### 3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2013 mendapati pengurusan pengendalian kes di JKSNS adalah baik di mana secara keseluruhannya jumlah penyelesaian kes Mal dan Jenayah meningkat pada tahun 2013 berbanding 2012 iaitu peningkatan kes masing-masing sebanyak 467 dan 650. Selain itu, sebanyak 97% kes yang didaftarkan telah berjaya disebut dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak JKSNS juga telah menjalankan pemantauan terhadap pengendalian kes syariah dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengendalian kes yang boleh ditambah baik seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah.

- Pertambahan bilangan kes tertunggak.
- Rekod e-syariah tidak dikemas kini.

### **3.4.1. Prestasi Penyelesaian Kes**

Norma masa bagi setiap kes diselesaikan tidak ditetapkan kerana wujudnya pelbagai elemen boleh ubah seperti budi bicara Hakim dan kerumitan pengendalian kes. Keadaan ini mempengaruhi tempoh penyelesaian sesuatu kes. Prestasi penyelesaian kes diukur dari sudut peratusan kes (termasuk kes tertunggak) yang dapat diselesaikan. Semakan Audit terhadap prestasi penyelesaian kes Mal dan Jenayah di JKSNS mendapati:

#### **3.4.1.1. Prestasi Penyelesaian Kes Meningkat**

Sesuatu pengendalian kes dianggap selesai setelah keputusan penghakiman dikeluarkan dan direkodkan atau sekiranya plaintif menarik balik kes atau pun kes terbatal atas sebab-sebab tertentu. Pada tahun 2013, prestasi penyelesaian kes Mal seluruh Negeri Sembilan meliputi MRyS, MTS dan 7 MRS telah meningkat sebanyak 9.6% berbanding 2012 iaitu daripada 4,876 kes kepada 5,343 kes. Manakala penyelesaian bagi kes Jenayah turut meningkat pada tahun 2013 sebanyak 86.8% berbanding tahun 2012 iaitu daripada 749 kes kepada 1,399 kes. Butiran lanjut kes yang didaftarkan dan bilangan kes yang dapat diselesaikan bagi kes Mal dan Jenayah pada tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.2** dan **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.2**

**Prestasi Penyelesaian Kes Mal Pada Tahun 2011 Hingga 2013**

Mahkamah	Bil. Kes Belum Selesai Tahun Sebelum			Kes Didaftarkan Tahun Semasa			Jumlah Kes			Kes Selesai					
										Jumlah Kes			Peratus (%)		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013
MRyS	4	6	14	5	14	17	9	20	31	3	6	11	33.3	30.0	35.5
MTS	503	456	618	890	876	926	1,393	1,332	1,544	937	714	1,048	67.3	53.6	67.9
MRS Seremban	581	685	761	2,386	2,363	2,239	2,967	3,048	3,000	2,282	2,287	2,396	76.9	75.0	79.9
MRS Port Dickson	57	54	45	366	341	325	423	395	370	369	350	327	87.2	88.6	88.4
MRS Rembau	48	55	39	276	230	252	324	285	291	269	246	254	83.0	86.3	87.3
MRS Tampin	48	64	78	320	288	313	368	352	391	304	274	304	82.6	77.8	77.7
MRS Kuala Pilah	49	50	66	270	280	268	319	330	334	269	264	289	84.3	80.0	86.5
MRS Jempol	75	134	103	537	496	519	612	630	622	478	527	515	78.1	83.7	82.8
MRS Jelebu	19	49	28	196	187	181	215	236	209	166	208	199	77.2	88.1	95.2
<b>Jumlah</b>	<b>1,384</b>	<b>1,553</b>	<b>1,752</b>	<b>5,246</b>	<b>5,075</b>	<b>5,040</b>	<b>6,630</b>	<b>6,628</b>	<b>6,792</b>	<b>5,077</b>	<b>4,876</b>	<b>5,343</b>	<b>76.6</b>	<b>73.6</b>	<b>78.6</b>

Sumber: JKSNS

**Jadual 3.3****Prestasi Penyelesaian Kes Jenayah Pada Tahun 2011 Hingga 2013**

Mahkamah	Bil. Kes Belum Selesai Tahun Sebelum			Kes Didaftarkan Tahun Semasa			Jumlah Kes			Kes Selesai					
										Jumlah Kes			Peratus (%)		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013
MRyS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	-	-	-
MTS	38	6	28	3	65	16	41	71	44	35	43	19	85.4	60.6	43.2
MRS Seremban	496	492	675	109	440	739	605	932	1414	113	257	778	18.7	27.6	55.0
MRS Port Dickson	62	4	30	29	114	253	91	118	283	87	88	177	95.6	74.6	62.5
MRS Rembau	7	0	3	1	39	90	8	39	93	8	36	61	100.0	92.3	65.6
MRS Tampin	53	20	93	41	119	134	94	139	227	74	46	94	78.7	33.1	41.4
MRS Kuala Pilah	19	8	22	8	104	55	27	112	77	19	90	58	70.4	80.4	75.3
MRS Jempol	83	44	67	87	196	136	170	240	203	126	173	155	74.1	72.1	76.3
MRS Jelebu	7	0	7	13	23	58	20	23	65	20	16	57	100.0	69.6	87.7
<b>Jumlah</b>	<b>765</b>	<b>574</b>	<b>925</b>	<b>291</b>	<b>1,100</b>	<b>1,481</b>	<b>1,056</b>	<b>1,674</b>	<b>2,406</b>	<b>482</b>	<b>749</b>	<b>1,399</b>	<b>45.6</b>	<b>44.7</b>	<b>56.7</b>

Sumber: JKNS

**3.4.1.2. Tempoh Penyelesaian Kes**

Semakan Audit terhadap 109 kes Mal dan Jenayah yang diselesaikan pada tahun 2013 mendapati tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan kes adalah antara 1 hingga 1,050 hari. Analisis terhadap tempoh masa kes diselesaikan pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 3.4**. Sebanyak 9 kes berjaya diselesaikan dalam tempoh sehari, 47 atau 43.1% kes diselesaikan dalam tempoh 60 hari dan 30 kes atau 27.5% diselesaikan dalam tempoh 180 hari. Selain itu, sebanyak 23 kes atau 21.1% mengambil masa melebihi 180 hari untuk diselesaikan. Ini termasuk 3 kes iaitu Tuntutan Mutu'ah, Tuntutan Nafkah Eddah dan Tuntutan Nafkah Anak di mana tempoh penyelesaian mengambil masa selama lebih 900 hari. Penyumbang utama kepada masalah kelewatan penyelesaian kes di atas adalah disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran seperti di bawah.

**Jadual 3.4****Tempoh Masa Penyelesaian Kes Tahun 2013**

Bil.	Jenis Kes	Tempoh Masa Penyelesaian (Hari)				Jumlah
		0 – 1	2 – 60	61 – 180	Iebih 180	
1.	Mal	3	36	15	17	71
2.	Jenayah	6	11	15	6	38
	<b>Jumlah</b>	<b>9</b>	<b>47</b>	<b>30</b>	<b>23</b>	<b>109</b>

Sumber: JKNS

**a. Faktor Dalaman**

- Jumlah Perjawatan Tidak Mencukupi** – Berdasarkan rekod perjawatan, JKNS mempunyai seramai 10 orang hakim syariah di mana 7 orang hakim MRS (Gred LS44), 2 orang hakim MTS (Gred LS48 dan Gred LS52) dan seorang Ketua Hakim Syarie (Gred VU7). Ketua Hakim Syarie juga berperanan sebagai salah seorang panel hakim di MRyS. Berdasarkan kepada jumlah perjawatan yang telah diisi bagi tahun 2011 hingga 2013, nisbah hakim berbanding bilangan kes

yang didaftarkan pada tahun 2013 bagi MTS, MRS Seremban, MRS Port Dickson dan MRS Tampin meningkat masing-masing sebanyak 5.5%, 19.4%, 46.3% dan 23.8% berbanding tahun 2011. Perbandingan beban kerja hakim berbanding bilangan kes yang didaftarkan bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Nisbah Bilangan Kes Mal Dan Jenayah Berbanding Bilangan Hakim**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Mahkamah	2011			2012			2013		
	Bilangan Hakim	Bilangan Kes Didaftar	Nisbah Hakim Berbanding Kes Yang Didaftar	Bilangan Hakim	Bilangan Kes Didaftar	Nisbah Hakim Berbanding Kes Yang Didaftar	Bilangan Hakim	Bilangan Kes Didaftar	Nisbah Hakim Berbanding Kes Yang Didaftar
MTS	2	893	1:446	2	941	1:470	2	942	1:471
MRS Seremban	1	2,495	1:2,495	1	2,803	1:2,803	1	2,978	1:2,978
MRS Port Dickson	1	395	1:395	1	455	1:455	1	578	1:578
MRS Tampin	1	361	1:361	1	407	1:407	1	447	1:447

Sumber: JKSNS

- ii. Permohonan penyusunan semula struktur organisasi JKSNS telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri pada 2 Mei 2013 dan permohonan tersebut telah dipanjangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 19 Julai 2013. Antara kandungan permohonan tersebut adalah pertambahan 2 orang hakim Gred LS44 untuk ditempatkan di MRS Seremban bagi mengimbangi pertambahan bilangan kes.

#### b. Faktor Luaran

Selain daripada faktor dalaman, terdapat juga faktor luaran yang mempengaruhi tempoh penyelesaian kes. Semakan Audit terhadap 235 sampel fail kes Mal dan Jenayah yang didaftarkan pada tahun 2011 hingga 2013 mendapati 36 fail kes atau 15.3% ditangguhkan adalah disebabkan oleh faktor luaran seperti di **Jadual 3.6**. Sebanyak 8.5% kes perbicaraan ditangguhkan disebabkan Orang Kena Tuduh (OKT)/defendan tidak hadir atau minta tangguh manakala 4.3% disebabkan saman gagal disampaikan kepada OKT/defendan kerana tidak mempunyai alamat terkini atau tiada alamat tetap. Selain itu, sebanyak 2.6% kes tertangguh disebabkan plaintif/pendakwa tidak hadir/menarik daripada perbicaraan.

**Jadual 3.6**  
**Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Tempoh Penyelesaian Kes**

Bil.	Mahkamah	OKT/ Defendan Tidak Hadir/ Minta Tangguh	Saman Tidak Dapat Disampaikan	Pendakwa/ Peguam Menangguhkan/ Tidak Hadir/ Tarik Diri	Jumlah Fail Kes
<b>Kes Mal</b>					
1.	MTS Seremban	2	0	2	4
2.	Mahkamah Rayuan	2	0	1	3
3.	MRS Seremban	0	0	0	0
4.	MRS Tampin	7	2	0	9
5.	MRS Port Dickson	1	0	3	4
<b>Kes Jenayah</b>					
1.	MTS Seremban	1	0	0	1
2.	Mahkamah Rayuan	0	0	0	0
3.	MRS Seremban	2	0	0	2
4.	MRS Tampin	5	7	0	12
5.	MRS Port Dickson	0	1	0	1
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>10</b>	<b>6</b>	<b>36</b>
<b>Peratus (%)</b>		<b>8.5</b>	<b>4.3</b>	<b>2.6</b>	<b>15.3</b>

Sumber: JKSNS

### 3.4.1.3. Pertambahan Bilangan Kes Tertunggak

Salah satu objektif JKSNS adalah untuk mengendalikan kes dengan adil, teratur dan berkesan. Berdasarkan laporan daripada sistem e-Syariah, tempoh tunggakan kes di MTS, MRS Seremban, MRS Tampin dan MRS Port Dickson adalah antara 1 hingga 10 tahun. Bilangan kes yang tertunggak menunjukkan peningkatan setiap tahun dari tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 3.7**. Bilangan kes tertunggak yang berusia antara 7 hingga 9 tahun meningkat daripada 9 kes pada tahun 2011 kepada 23 kes pada tahun 2013. Manakala terdapat 4 kes yang tertunggak berusia lebih 9 tahun pada tahun 2013. Tiada kes Mal dan Jenayah yang didaftarkan di MRS Tampin dan Port Dickson yang berusia lebih daripada 3 tahun.

**Jadual 3.7**  
**Statistik Kes Jenayah Dan Mal Belum Selesai Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Mahkamah	Bilangan Kes Belum Selesai Mengikut Usia (Tahun)									
		1 – 3			4 – 6			7 – 9			Lebih 9
1.	MTS	69	167	226	28	39	51	9	16	23	0
2.	MRS Seremban	18	64	211	0	0	8	0	0	0	0
3.	MRS Tampin	2	27	123	0	0	0	0	0	0	0
4.	MRS Port Dickson	5	10	15	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>94</b>	<b>268</b>	<b>575</b>	<b>28</b>	<b>39</b>	<b>59</b>	<b>9</b>	<b>16</b>	<b>23</b>	<b>0</b>
											<b>4</b>

Sumber: JKSNS

### 3.4.1.4. Menurut maklum balas JKSNS bertarikh 24 Januari 2014, beberapa faktor yang mempengaruhi tempoh penyelesaian kes Jenayah antaranya kekurangan hakim bicara terutamanya di MRS Seremban, pendaftaran kes secara pukal pada

akhir tahun oleh pendakwa, penarikan balik pertuduhan oleh Ketua Pendakwa Syarie dan kegagalan menyampaikan saman kepada tertuduh. Manakala faktor yang mempengaruhi tempoh penyelesaian kes Mal pula adalah disebabkan sikap defendan yang kurang pengetahuan tentang prosedur, sikap sambil lewa, tidak mengambil berat akan arahan mahkamah, serta tidak diwakili oleh peguam syarie. Selain itu, peguam lebih mengutamakan kes sivil walaupun tarikh perbicaraan telah ditetapkan oleh Mahkamah Syariah, peguam mengenakan kadar bayaran khidmat guaman yang tinggi dan dalam masa yang sama peguam mengendalikan terlalu banyak kes. Kelewatan penyelesaian kes juga berpunca daripada peningkatan pendaftaran kes baru sedangkan bilangan hakim masih sama. JKSNS telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- a. Melaksanakan hakim litar dari MRS Daerah yang kurang kes bagi membantu MRS Seremban berkuat kuasa 1 Julai 2013
- b. Melaksanakan penghantar saman litar bagi membantu MRS Seremban berkuat kuasa 8 Julai 2013
- c. Mengeluarkan Arahan Ketua Hakim Syarie - Garis Panduan Penangguhan Kes yang berkuat kuasa 1 Ogos 2013
- d. Menetapkan 2 orang hakim litar khusus untuk mengendalikan kes Jenayah di MRS Seremban

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian kes Mal dan Jenayah adalah baik walaupun berlaku peningkatan yang kecil dalam bilangan kes tertunggak.

### 3.4.2. Pengurusan Pengendalian Kes

Proses kerja bagi kes Mal bermula daripada pendaftaran kes, sebutan, penghakiman dan pengeluaran perintah. Bagi kes Jenayah pula bermula daripada pendaftaran, sebutan, perbicaraan, keputusan kes dan tindakan hukuman sama ada denda ataupun penjara. Semakan Audit terhadap pengurusan pengendalian kes Mal dan Jenayah mendapat:

#### 3.4.2.1. Peratus Sebutan Kes Adalah Baik

- a. Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002 dan Piagam Pelanggan JKSNS ada menetapkan sebutan sesuatu kes atau pertemuan Sulh mestilah diadakan dalam tempoh 21 hari selepas kes tersebut didaftarkan. Semakan Audit terhadap 235 sampel fail kes Mal dan Jenayah yang didaftarkan pada tahun 2011 hingga 2013 mendapat sebanyak 228 kes atau 97% yang didaftarkan telah disebut dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala sebanyak 7 kes (3%) lewat disebut melebihi tempoh 21 hari daripada tarikh kes didaftarkan seperti di **Jadual 3.8**. Sebanyak 6 kes disebut antara 22 hingga 60 hari dan satu kes disebut melebihi tempoh 60 hari.

**Jadual 3.8**  
**Bilangan Kes Yang Disebut Melebihi Tempoh 21 Hari**

Bil.	Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Kes Mal				Bilangan Kes Jenayah				Jumlah
		MTS	MRS Seremban	MRS Tampin	MRS Port Dickson	MTS	MRS Seremban	MRS Tampin	MRS Port Dickson	
1.	22 – 60	1	0	1	1	0	0	3	0	6
2.	> 60	0	0	0	0	0	0	1	0	1
	Jumlah	1	0	1	1	0	0	4	0	7

Sumber: JKSNS

- b. **Menurut maklum balas MRS Tampin bertarikh 23 Januari 2014, antara punca utama berlaku kelewatan kes disebut di MRS Tampin adalah disebabkan pihak plaintiff/defendant lewat melantik peguam dan plaintiff/defendant telah mohon penangguhan antara 6 hingga 9 kali.**

#### 3.4.2.2. Majlis Sulh Perlu Penambahbaikan

- a. Sulh merupakan salah satu kaedah perdamaian selain kaedah perbicaraan yang kebiasaannya memakan masa yang lama serta melibatkan kos yang tinggi. Tuntutan atau permohonan yang dibuat mestalah yang melibatkan hak dan tanggungjawab dalam hal ehwal kekeluargaan Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Majlis Sulh yang ditubuhkan berfungsi sebagai tapisan pertama kepada kes yang hendak dibicarakan di mahkamah. Kaedah ini juga sebagai langkah untuk mengelakkan pertikaian antara pihak berkenaan di dalam dewan mahkamah dengan sesuatu tuntutan yang boleh dibincangkan secara mudah dan cepat tanpa perlu kepada perbicaraan di hadapan Hakim. Keputusan persetujuan pihak yang terlibat juga akan disahkan sebagai perintah mahkamah dengan mudah dan segera tanpa perdebatan di dalam mahkamah.
- b. Semakan Audit mendapati pengendalian kes melalui kaedah sulh diuruskan oleh Majlis Sulh (di bawah Unit Sulh) yang dianggotai oleh seorang Pegawai Sulh (Pegawai Syariah Gred LS 41). Bagi tempoh tahun 2011 hingga Julai 2013, sebanyak 3,060 kes tuntutan selepas perkahwinan telah dikendalikan oleh Pegawai Sulh. Analisis Audit mendapati sebanyak 1,464 (47.8%) kes daripada keseluruhan kes telah berjaya diselesaikan melalui Majlis Sulh tanpa perlu melalui perbicaraan seperti di **Jadual 3.9**.

**Jadual 3.9****Prestasi Penyelesaian Kes Melalui Kaedah Sulh Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Baki Kes Tahun Sebelum	Jumlah Kes Didaftar Tahun Semasa	Selesai						Dalam Prosiding/ Tangguh
			Berjaya	(%)	Gagal	(%)	Tidak Hadir	(%)	
2011	73	1,113	541	45.6	268	22.6	283	23.8	94
2012	94	1,052	562	49.0	246	21.4	209	18.2	129
Julai 2013	129	599	361	49.6	132	18.1	158	21.7	77
<b>Jumlah</b>	<b>296</b>	<b>2,764</b>	<b>1,464</b>	<b>47.8</b>	<b>646</b>	<b>21.1</b>	<b>650</b>	<b>21.2</b>	<b>300</b>

Sumber: JKSNS

- c. Walaupun Majlis Sulh ini dikendalikan oleh seorang Pegawai Sulh, bilangan kes yang berjaya diselesaikan menunjukkan peningkatan daripada 45.6% pada tahun 2011 kepada 49% pada tahun 2012 dan 49.6% sehingga Julai 2013. Prestasi penyelesaian kes melalui Majlis Sulh boleh ditingkatkan lagi dan struktur Unit ini diperkasakan dengan penyertaan Pegawai Syariah yang lebih berpengalaman dengan gred yang lebih tinggi. Secara tidak langsung ia dapat membantu meningkatkan prestasi penyelesaian kes.
- d. **Menurut maklum balas JKSNS bertarikh 24 Januari 2014, JKSNS telah mengusulkan perkara ini dalam penyusunan semula organisasi agar Unit Sulh diperkasakan dengan mewujudkan Ketua Unit Sulh Gred LS44 yang mempunyai pengalaman mengendalikan kes yang rumit serta memantau pengurusan unit tersebut merangkumi kes sulh di MT dan MRS. Bagaimanapun, usul tersebut ditolak kerana terikat dengan kelulusan waran oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bahawa gred tertinggi bagi Pegawai Sulh pada masa kini adalah Gred LS41.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pengendalian kes Mal dan Jenayah adalah baik di mana 97% kes berjaya disebut dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tidak melebihi tempoh 21 hari daripada tarikh kes didaftarkan. Majlis Sulh pula telah berjaya menyelesaikan sebanyak 1,464 kes (47.8%) tanpa melalui perbicaraan di dalam Mahkamah.

#### 3.4.2.3. Kes Pelanggaran Perintah Nafkah

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang diketuai oleh seorang Pegawai Syariah Gred LS44 telah diwujudkan pada tahun 2009 dan berperanan menangani isu berkaitan penguatkuasaan serta pelaksanaan Perintah Nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah. Selain itu, BSK turut memberi khidmat nasihat perundangan syariah kepada pihak yang telah dikeluarkan Perintah Nafkah dan juga melaksanakan pengurusan sokongan kewangan kepada pihak yang terlibat terutamanya berkaitan pembayaran nafkah mengikut lunas syarak. Sesuatu aduan dianggap berjaya apabila pihak plaintif (pengadu) dan defendant hadir untuk proses runding cara dan mendapat persetujuan bersama dalam

menyelesaikan aduan. Kes dianggap gagal sekiranya pengadu tidak hadir semasa hari runding cara atau pun tiada persetujuan bersama dicapai. Bagi setiap kes yang berjaya mahupun gagal, pengadu mempunyai hak mutlak sama ada ingin memfaillkan kes ke Mahkamah atau sekadar melalui runding cara. Sekiranya kes dibawa ke Mahkamah, BSK akan bertindak sebagai wakil peguam kepada pengadu. Bagi tempoh 2009 hingga 2013, terdapat sebanyak 408 aduan kes pelanggaran Perintah Nafkah telah diterima oleh JKSNS dan 68 daripadanya telah berjaya diselesaikan, 217 kes gagal, 92 kes ditarik balik dan 31 kes masih dalam peringkat runding cara. Kedudukan jumlah kes pelanggaran Perintah Nafkah bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.10**

**Kes Pelanggaran Perintah Nafkah Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Baki Kes	Aduan Tahun Semasa	Status Kes			
			Berjaya	Gagal	Tarik Balik	Masih Dalam Runding Cara
2011	72	48	1	53	44	22
2012	22	111	23	79	7	24
2013	24	114	44	53	10	31
<b>Jumlah</b>		<b>273</b>	<b>68</b>	<b>185</b>	<b>61</b>	

Sumber: JKSNS

### 3.4.3. Pengurusan Rekod Perbicaraan

Segala maklumat dan rekod perbicaraan hendaklah disimpan dalam fail kes untuk rujukan dari semasa ke semasa. Selain itu, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2011 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia menyatakan bermula tahun 2011, pendaftaran kes serta segala maklumat dan rekod perbicaraan perlu diselenggarakan menggunakan sistem e-Syariah yang mengintegrasikan semua proses dalam pengendalian kes.

#### 3.4.3.1. Rekod Di Dalam e-Syariah Tidak Dikemaskinikan

Pada 7 Februari 2003, Sistem e-Syariah telah dilancarkan dan semua proses melibatkan pengendalian kes mahkamah syariah telah diintegrasikan dalam sistem tersebut. Modul dalam e-Syariah terdiri daripada Pendaftaran Kes, Proses Perbicaraan, Proses Penghakiman, Majlis Sulh, Penghantar Notis, Bailif, Pengiraan Faraid, Sistem Kutipan, Carian dan Laporan, Kalender Mahkamah serta Senarai Kes Selesai. Semakan Audit terhadap penggunaan sistem e-Syariah mendapati beberapa kelemahan penyelenggaraan rekod seperti berikut:

##### a. Perbezaan Data Di Laporan Statistik Kes e-Syariah

Laporan statistik kes merupakan laporan yang dijadikan rujukan untuk mengetahui jumlah dan status kes yang didaftar pada tahun tertentu. Walaupun sistem e-Syariah telah dilaksanakan, JKSNS masih lagi menyenggarakan rekod pengendalian kes secara manual. Semakan Audit mendapati wujud perbezaan antara laporan yang disediakan secara manual dan laporan yang dijana melalui e-Syariah seperti di

**Jadual 3.11.** Bilangan kes yang telah selesai berpandukan data secara manual adalah 15,398 kes manakala data melalui sistem mendapati hanya 14,932 kes telah selesai. Ini menunjukkan perbezaan bilangan kes selesai sebanyak 466 kes tempoh tahun 2011 hingga Julai 2013. Ini menyebabkan integriti data dalam sistem e-Syariah diragui di mana terdapat kes yang telah selesai tetapi ditunjukkan sebaliknya dalam sistem.

**Jadual 3.11**

Perbezaan Laporan Statistik Kes Mal Dan Jenayah Antara Sistem e-Syariah Dan Manual Bagi Tahun 2011 Hingga Julai 2013

Tahun	Statistik Kes Dalam Sistem e-Syariah			Statistik Kes Secara Manual		
	Baki Kes	Jumlah Kes Berdaftar	Jumlah Kes Selesai	Baki Kes	Jumlah Kes Berdaftar	Jumlah Kes Selesai
2011	2,236	5,524	5,303	2,149	5,537	5,559
2012	2,457	6,181	5,631	2,127	6,175	5,625
Julai 2013	2,992	3,874	3,998	2,518	3,811	4,214
<b>Jumlah</b>	<b>7,685</b>	<b>15,579</b>	<b>14,932</b>	<b>6,794</b>	<b>15,523</b>	<b>15,398</b>

Sumber: JKSNS

#### b. Perbezaan Tarikh Pendaftaran

Berdasarkan prosedur kerja permohonan kes dalam Manual Prosedur Kerja, setelah borang pendaftaran kes dilengkapkan oleh plaintiff, Jabatan akan merekodkan tarikh pendaftaran kes di dalam sistem e-Syariah dan fail kes akan dibuka. Semakan Audit terhadap 235 fail kes Mal dan Jenayah di MR, MTS dan MRS Seremban, MRS Tampin serta MRS Port Dickson, terdapat 10 kes atau 4.2% yang wujud perbezaan tarikh pendaftaran antara rekod dalam fail dan e-Syariah seperti di **Jadual 3.12.**

**Jadual 3.12**

Perbezaan Tarikh Pendaftaran Kes Antara Sistem e-Syariah Dan Rekod Fail

Bil.	Daerah	No. Fail	Jenis Kes	Tarikh Pendaftaran Di Rekod Fail	Tarikh Pendaftaran di Sistem eSyariah
1.	Seremban	05100-038-0082-2013	Mal	7.1.2013	7.3.2013
2.	Seremban	05000-043-0002-2012	Mal	21.3.2012	25.4.2012
3.	Seremban	05000-044-0005-2011	Mal	21.12.2011	14.3.2013
4.	Tampin	05007-114-0074-2010	Jenayah	18.9.2010	30.9.2010
5.	Tampin	05007-180-0024-2011	Jenayah	24.2.2011	4.4.2011
6.	Tampin	05007-114-0001-2013	Jenayah	29.1.2013	18.7.2013
7.	Tampin	05007-165-0009-2013	Jenayah	29.3.2012	18.7.2013
8.	Tampin	05007-165-0010-2013	Jenayah	29.3.2012	18.7.2013
9.	Tampin	05007-166-0007-2013	Jenayah	29.3.2012	18.7.2013
10.	Tampin	05007-161-0006-2013	Jenayah	29.3.2012	18.7.2013

Sumber: JKSNS

#### c. Perbezaan Tarikh Kes Selesai

Setelah kata putus diperoleh hasil daripada Majlis Sulh ataupun melalui perbicaraan, keputusan penghakiman akan dikeluarkan dan direkodkan sebagai kes selesai dalam e-Syariah serta fail kes. Semakan Audit terhadap 235 fail kes mendapati sebanyak 13 kes atau 5.5% yang wujud perbezaan tarikh kes selesai antara rekod fail dan e-Syariah seperti di **Jadual 3.13.**

**Jadual 3.13****Perbezaan Tarikh Kes Selesai Antara e-Syariah Dan Rekod Fail**

Bil.	Daerah	No. Fail	Jenis Kes	Tarikh Kes Selesai Di Fail	Tarikh Status Diubah Kepada Selesai Di e-Syariah
1.	Seremban	05000-043-0002-2012	Mal	22.5.2013	5.6.2013
2.	Seremban	05000-044-0005-2011	Mal	22.5.2013	5.6.2013
3.	Tampin	05007-014-0056-2005	Mal	29.6.2005	11.4.2013
4.	Tampin	05007-014-0077-2005	Mal	22.7.2005	11.4.2013
5.	Tampin	05007-040-0005-2013	Mal	08.1.2013	26.9.2013
6.	Tampin	05007-051-0098-2005	Mal	12.9.2005	11.4.2013
7.	Tampin	05007-054-0155-2006	Mal	11.1.2007	20.5.2013
8.	Tampin	05007-055-0003-2005	Mal	4.2.2005	11.4.2013
9.	Tampin	05007-055-0031-2005	Mal	23.3.2005	11.4.2013
10.	Tampin	05007-055-0035-2005	Mal	23.3.2005	11.4.2013
11.	Tampin	05007-055-0063-2005	Mal	20.6.2005	11.4.2013
12.	Tampin	05007-055-0151-2006	Mal	28.12.2006	20.5.2013
13.	Tampin	05007-062-0085-2006	Mal	13.11.2006	20.5.2013

Sumber: JKSNS

**3.4.3.2. Menurut maklum balas JKSNS bertarikh 24 Januari 2014, perbezaan tarikh pendaftaran antara rekod fail dan e-Syariah adalah disebabkan berlakunya masalah rangkaian menyebabkan kes tersebut terpaksa didaftarkan dalam sistem e-Syariah secara *offline* pada hari berikutnya. Selain itu, ia juga berpunca daripada tiada pemantauan rapi terhadap pegawai yang dipertanggungjawabkan. Status kes tersebut telah dikemas kini dan perkara ini akan dipantau oleh pihak Jabatan agar tidak berulang di masa akan datang. Taklimat telah diberikan kepada Penolong Pendaftar dan Pembantu Pendaftar agar memastikan kes yang telah selesai diubah status dalam sistem e-Syariah pada hari yang sama. Bermula Oktober 2013, satu task force diadakan bagi memastikan setiap mahkamah mengemas kini status setiap kes selari dengan status di fail kes.**

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod dan data e-Syariah adalah memuaskan. Walaupun terdapat perbezaan data antara rekod di fail dan sistem e-Syariah, namun perbezaan yang berlaku adalah kecil.


#### **3.4.4. Maklum Balas Soal Selidik**

Bagi menilai mutu perkhidmatan yang diberikan, sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam yang berurus dengan JKSNS dan sebanyak 109 atau 54.5% soal selidik telah diterima. Antara perkara yang dinilai adalah berkaitan perkhidmatan kaunter, layanan oleh pegawai serta kakitangan, proses perbicaraan dan tempoh masa perkhidmatan diterima. Berikut adalah analisis daripada maklum balas tersebut:

##### **3.4.4.1. Mutu Perkhidmatan Jabatan**

Analisis Audit terhadap borang soal selidik yang dikembalikan mendapati seramai 90 orang awam (82.6%) menyatakan perkhidmatan kaunter berada di tahap baik manakala 84 orang awam (77.1%) menyatakan layanan kakitangan adalah baik serta 76 orang

awam (69.7%) berpendapat proses perbicaraan adalah baik. Tidak ada responden yang menyatakan rasa tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kaunter, layanan kakitangan dan proses perbicaraan. **Carta 3.1** menunjukkan tahap kepuasan pelanggan daripada maklum balas yang diedarkan.




Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 3.4.4.2. Tempoh Masa Menunggu

Hasil analisis Audit terhadap borang soal selidik juga mendapati secara keseluruhannya tempoh masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan di kaunter adalah baik di mana 96 orang awam (88.1%) menyatakan tempoh menunggu bagi mendapatkan perkhidmatan adalah antara 1 hingga 15 minit, 4 orang (3.7%) menyatakan 16 hingga 30 minit dan hanya seorang (0.9%) yang menyatakan lebih 30 minit. Maklum balas terhadap tempoh masa menunggu adalah seperti di **Carta 3.2**.

**Carta 3.2**  
**Maklum Balas Terhadap Tempoh Masa Menunggu**



Sumber: Jabatan Audit Negara

### 3.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik prestasi pengendalian kes syariah, adalah disyorkan supaya Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan mempertimbangkan perkara berikut:

- 3.5.1.** Mengkaji semula keperluan bilangan hakim dan lain-lain jawatan selaras dengan pertambahan bilangan kes syariah yang didaftarkan setiap tahun.
- 3.5.2.** Mengemas kini data kes dalam sistem e-Syariah bagi mengelak perbezaan dengan rekod manual untuk memastikan integriti data tersebut.

## **MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN**

### **4. MAINS HOLDINGS SDN. BHD.**

#### **4.1. LATAR BELAKANG SYARIKAT SUBSIDIARI**

**4.1.1.** MAINS Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) dahulu dikenali sebagai EDIFAJAR Development Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 22 Januari 1997. Syarikat ini telah ditukar namanya dan dikenali sebagai MAINS Holdings Sdn. Bhd. mulai 10 November 1998. Ia merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.75 juta.

**4.1.2.** Objektif penubuhan MHSB adalah untuk meningkatkan sumber pendapatan MAINS melalui aktiviti perniagaan syarikat dan mengurus serta membangunkan segala aset MAINS agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Aktiviti utama MHSB adalah dalam perniagaan hartanah dan perkhidmatan dalam bidang pengurusan aset, pembangunan hartanah, pembangunan perniagaan dan perkhidmatan kaunseling.

**4.1.3.** Sehingga November 2013, MHSB mempunyai 2 buah syarikat subsidiari iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS) dan MAINS Hotel Sdn. Bhd. (MAINS Hotel) yang ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti berkaitan pengurusan wakaf dan hospitaliti. PWNS ialah syarikat subsidiari 100% milik penuh MHSB yang telah ditubuhkan pada 10 Jun 2005 dan merupakan sebuah syarikat yang tidak aktif. Manakala MAINS Hotel yang menguruskan Klana Beach Resort Port Dickson telah ditubuhkan pada 14 Jun 2010 merupakan sebuah syarikat subsidiari 100% milik penuh MHSB yang bergiat aktif dalam bidang perhotelan.

**4.1.4.** MHSB diterajui oleh 8 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar. Pengurusan dan pentadbiran MHSB pula diurus oleh seorang Pengurus Besar. Sehingga bulan November 2013, jumlah kakitangan syarikat ialah seramai 30 orang yang terdiri daripada kakitangan Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Bahagian Kaunseling dan Bahagian Pengurusan Hartanah Dan Projek.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan MHSB adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti, kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENG AUDITAN**

Skop pengauditan meliputi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat MHSB bagi tempoh 2011 hingga 2013. Tumpuan pengauditan diberikan kepada aktiviti utama syarikat iaitu dalam bidang pengurusan hartanah dan projek pembangunan. Sementara itu, analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan serta pemeriksaan fizikal terhadap aset. Selain itu, temu bual dengan pegawai MHSB dan lawatan tapak juga turut dilakukan.

### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga November 2013 mendapati secara keseluruhannya kedudukan kewangan MHSB adalah baik di mana sehingga akhir tahun 2012 syarikat masih merekodkan keuntungan terkumpul sejumlah RM5.85 juta. MHSB memperoleh keuntungan bersih selepas cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut walaupun trend keuntungan menunjukkan pola menurun. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kelemahan dari segi kutipan hasil, ketiadaan jadual penyenggaraan dan tidak menyediakan perancangan strategik korporat seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut.

#### **4.4.1. Prestasi Kewangan**

Penilaian terhadap prestasi kewangan MHSB adalah berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Perbandingan prestasi kewangan bagi tahun 2010 hingga 2012 secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

##### **4.4.1.1 Analisis Trend**

- a.** Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, MHSB merekodkan keuntungan terkumpul berjumlah RM5.85 juta berbanding RM5.67 juta pada tahun 2011 dan RM5.43 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini didorong oleh keuntungan yang direkodkan bagi 3 tahun tersebut antara RM0.18 juta hingga RM0.24 juta. Keuntungan sebelum cukai menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2012 berbanding 2011 disebabkan peningkatan jumlah perbelanjaan berbanding penurunan dalam pendapatan.
  
- b.** Pendapatan MHSB terbahagi kepada 2 iaitu daripada perolehan dan lain-lain pendapatan. Perolehan merangkumi hasil sewaan dan yuran pengurusan terhadap harta milik MAINS. Manakala lain-lain pendapatan terdiri daripada dividen simpanan tetap, keuntungan daripada pelupusan harta milik, loji dan kelengkapan, hibah, pelbagai hasil, dan keuntungan atas jualan runcit serta perkhidmatan. Pendapatan MHSB pada tahun 2010 meningkat kepada RM1.24 juta berbanding tahun 2009 berjumlah RM0.98 juta, manakala pada tahun 2011 meningkat kepada


RM1.44 juta berbanding tahun 2010. Peningkatan ini masing-masing sejumlah RM0.26 juta (2010) dan RM0.20 juta (2011). Peningkatan ini adalah disebabkan berlaku peningkatan perolehan dalam yuran pengurusan harta tanah dan hasil sewa di dalam tahun tersebut. Bagi tahun 2012, terdapat penurunan pendapatan sejumlah RM0.10 juta disebabkan hasil dari yuran pengurusan projek bagi projek pembinaan Kompleks Al Saadah yang sepatutnya diterima sejumlah RM0.28 juta telah diberikan diskaun sejumlah RM0.22 juta. Keputusan ini telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan Dan Pelaburan Baitulmal MAINS Bil. 3/2012 pada 7 September 2012 yang menetapkan yuran pengurusan projek bagi Kompleks Al Saadah hanya dibayar sejumlah RM0.06 juta.

- c. Perbelanjaan MHSB terbahagi kepada belanja pentadbiran, kos kewangan dan lain-lain belanja. Belanja pentadbiran antaranya terdiri daripada gaji dan upah, bonus, caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta Pertubuhan Keselamatan Sosial, penyelenggaraan kenderaan dan alatan pejabat, sewa, elaun pengarah serta elaun mesyuarat. Kos kewangan pula terdiri daripada faedah atas overdraf, faedah atas pinjaman, dan faedah sewa beli. Manakala lain-lain perbelanjaan terdiri daripada bayaran zakat, sumbangan dan hadiah serta bayaran penalti dan kompaun. Pada tahun 2011, jumlah perbelanjaan meningkat kepada RM1.16 juta atau 24.7% berbanding pada tahun 2010 iaitu RM0.93 juta. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2011 antara lain merangkumi bayaran bonus kakitangan dan pengarah, insentif dan lain-lain perbelanjaan pentadbiran. Manakala pada tahun 2012 jumlah perbelanjaan menunjukkan penurunan sebanyak RM0.03 juta menjadi RM1.13 juta berbanding tahun 2011 disebabkan penurunan caruman kepada KWSP, bonus kakitangan dan pengarah.
- d. Kedudukan dan trend pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan MHSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1** serta **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.


**Jadual 4.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan MHSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Perolehan	1.02	1.33	1.23
Lain-lain Pendapatan	0.22	0.11	0.14
Jumlah Pendapatan	1.24	1.44	1.37
(-) Perbelanjaan	0.93	1.16	1.13
<b>Keuntungan Sebelum Cukai</b>	<b>0.31</b>	<b>0.28</b>	<b>0.24</b>
(-) Cukai	0.06	0.04	0.06
<b>Keuntungan Selepas Cukai</b>	<b>0.25</b>	<b>0.24</b>	<b>0.18</b>
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>5.43</b>	<b>5.67</b>	<b>5.85</b>

Sumber: Penyata Kewangan MHSB



Sumber: Penyata Kewangan MHSB



Sumber: Penyata Kewangan MHSB

#### 4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis nisbah kewangan telah dibuat terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun 2010 hingga 2012 untuk menilai tahap risiko, kekuahan dan kecairan kewangan, nilai tambah keuntungan dan pulangan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham utama MHSB. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2010	2011	2012
a.	Nisbah Semasa	4.33:1	2.34:1	2.32:1
b.	Margin Untung Bersih	19.7%	16.7%	13.1%
c.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.03:1	0.02:1	0.09:1
d.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.32:1	0.32:1	0.24:1

Sumber: Penyata Kewangan MHSB

##### a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati kadar nisbah semasa MHSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah baik iaitu antara 2.32 hingga 4.33. Berdasarkan analisis nisbah ini menunjukkan kedudukan kewangan MHSB mempunyai kecairan yang baik bagi menampung tanggungan semasa iaitu setiap RM1.00 tanggungan semasa dibiayai oleh aset semasa antara RM2.32 hingga RM4.33.

**b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih merupakan pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratus keuntungan yang diperoleh daripada setiap hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, bagi setiap Ringgit hasil yang diperoleh, MHSB mendapat margin keuntungan antara 13.1% hingga 19.7%. Ini menunjukkan setiap ringgit hasil MHSB berjaya menjana keuntungan kepada syarikat.

**c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah menunjukkan semakin berupaya/cekap syarikat menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, kadar pulangan atas aset MHSB adalah antara RM0.02 hingga RM0.09 bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Ini menunjukkan kecekapan syarikat dalam menguruskan aset menunjukkan peningkatan pada tahun 2012.

**d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan semakin cekap syarikat menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan yang diperoleh oleh pemegang saham MHSB menurun pada tahun 2012 berbanding 2011 dan 2010 iaitu daripada RM0.32 kepada RM0.24.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan MHSB secara keseluruhannya adalah baik di mana sehingga akhir tahun 2012, syarikat masih merekodkan keuntungan terkumpul sejumlah RM5.85 juta. MHSB memperoleh keuntungan bersih selepas cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut walaupun trend keuntungan menunjukkan pola menurun. Analisis terhadap aset dan liabiliti turut menunjukkan MHSB mampu menampung liabiliti kerana memiliki aset yang kukuh.**

#### **4.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Pada peringkat awal penubuhan, MHSB berperanan sebagai pengurus aset milik MAINS serta membangunkan aset tersebut bagi tujuan mendapatkan pulangan kepada MHSB sekali gus kepada MAINS. Selain itu, MHSB turut terlibat dalam bidang perniagaan peruncitan dan menguruskan 5 Pusat Perkhidmatan Kaunseling profesional secara percuma kepada semua peringkat umur, bangsa dan agama. Sehingga kini, MHSB sedang mengurus 143 unit hartaanah milik MAINS yang terdiri dari rumah banglo, lot kedai dan Kompleks Bazaar MAINS. Selain itu, MHSB turut menyediakan kemudahan sewaan peralatan ICT yang terdiri daripada komputer peribadi, komputer riba dan Unit Pemprosesan Utama.

##### **4.4.2.1. Prestasi Aktiviti Utama MHSB**

- a. MHSB menjana pendapatan melalui yuran pengurusan terhadap pengurusan projek milik MAINS serta penyewaan premis, dan sewaan peralatan ICT. Salah satu daripada sumber utama MHSB ialah hasil upah daripada kutipan sewa ke atas premis milik MAINS dan sewaan peralatan ICT. MHSB telah dilantik oleh MAINS mengurus premis milik MAINS termasuk mencari penyewa, mengutip sewa, dan menyenggara premis. Maklumat berkaitan jenis hasil yang diterima oleh MHSB adalah seperti di **Jadual 4.3**. Berdasarkan penyata kewangan berakhir 31 Disember 2012, pendapatan daripada hasil sewa adalah berjumlah RM0.67 juta berbanding RM0.62 juta pada tahun 2011 iaitu peningkatan sejumlah RM0.05 juta. Manakala pendapatan daripada yuran pengurusan pada tahun 2012 menurun sejumlah RM0.15 juta daripada RM0.71 juta pada tahun 2011 kepada RM0.56 juta pada tahun 2012.

**Jadual 4.3**  
**Jenis Dan Kadar Hasil Yang Diterima Oleh MHSB**

Kategori Hasil	Perkara	Kadar
Yuran Pengurusan	Bazzar MAINS	RM2,845 sebulan
	Lain-lain Premis MAINS	RM8,237 sebulan
	Penyenggaraan Bangunan	7.5% daripada kos penyenggaraan
	Pengurusan Projek	3.0% daripada kos projek
Sewa	Peralatan ICT	Antara RM80 – RM150 sebulan
	4 lot premis perniagaan di Taman Senawang Indah	Antara RM750 - RM1,600 sebulan
	Lot 4981 Bangunan Bank Islam	Antara RM2,500 – RM16,220 sebulan

Sumber: Bahagian Kewangan MHSB

- b. Semakan Audit mendapati aktiviti utama yang dijalankan oleh pihak MHSB adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa berkaitan penyenggaraan premis yang disewakan yang perlu penambahbaikan. Berdasarkan perjanjian sewa premis yang ditandatangani antara MHSB dengan penyewa, pihak MHSB bertanggungjawab terhadap kerja penyenggaraan bagi memastikan premis yang disewakan sentiasa dalam keadaan baik dan sesuai diduduki. Lawatan Audit ke Bangunan Wisma Cahaya, Seremban mendapati hampir keseluruhan cat dinding bangunan telah terkopek yang mencacatkan pandangan. Manakala tinjauan di bangunan lot kedai di

Taman Alamanda, Senawang mendapati air bertakung di atas bumbung dan tangki air tidak disenggarakan dengan memuaskan. Keadaan premis yang memerlukan tindakan penyenggaraan adalah seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**. Pihak Audit juga mendapati keadaan tandas dan singki bagi kelas KAFA yang terletak di lot bangunan kedai tersebut perlu kepada pembaikan segera kerana ia melibatkan penggunaan oleh kanak-kanak yang mengikuti kelas KAFA seperti di **Gambar 4.3**.

**Gambar 4.1**  
Keadaan Tangki Atas Bumbung  
Tidak Disenggarakan



Sumber : Jabatan Audit Negara  
Lokasi : Bangunan Lot Kedai,  
Taman Alamanda, Seremban  
Tarikh : 7 Oktober 2013

**Gambar 4.2**  
Kemasan Cat Dinding Dalam  
Bangunan Telah Terkopek



Sumber : Jabatan Audit Negara  
Lokasi : Bangunan Wisma Cahaya, Seremban  
Tarikh : 7 Oktober 2013



**Gambar 4.3**  
Singki Rosak, Kotor Dan Tersumbat

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kelas KAFA  
Taman Alamanda, Seremban  
Tarikh: 7 Oktober 2013

- c. **Maklum balas MHSB bertarikh 19 Februari 2014, bilangan kakitangan yang terlalu terhad, hanya 2 orang pegawai bagi memantau 143 premis menyebabkan kerja-kerja pemantauan dan penyenggaraan sukar dilaksanakan. Tindakan telah diambil untuk menukar sebahagian tangki yang kotor manakala sebahagian lagi akan diambil tindakan. Pihak MHSB turut memaklumkan bahawa kawasan bumbung premis tersebut kerap dicerobohi oleh orang awam walaupun telah dikunci. Tindakan pembaikan terhadap tandas kelas KAFA telah dijalankan.**

#### **4.4.2.2. Prestasi Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari**

- a. Sehingga November 2013, MHSB mempunyai 2 buah syarikat subsidiari iaitu MAINS Hotel dan PWNS. MAINS Hotel yang ditubuhkan pada pertengahan tahun 2010 merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan perhotelan patuh syariah pertama di Negeri Sembilan iaitu Klana Beach Resort Port Dickson. PWNS ditubuhkan atas dasar fardu kifayah di mana syarikat bertanggungjawab bagi menguruskan harta wakaf di Negeri Sembilan. Kedudukan keuntungan/kerugian dalam syarikat subsidiari bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**

**Keuntungan/(Kerugian)Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Nama Syarikat	Peratusan Pegangan (%)	Kerugian Selepas Cukai			Kerugian Terkumpul (RM)
			2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	
1.	MAINS Hotel	100	26,909*	835,286	568,236	1,430,431
2.	PWNS	100	14,050	13,952	13,332	106,245

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan MHSB

Nota: \* Penyata Pendapatan dari 14 Jun 2010 hingga 31 Disember 2010

- b. Berdasarkan kepada **Jadual 4.4**, kedua-dua syarikat subsidiari MHSB mencatatkan kerugian bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Keadaan ini adalah kerana MAINS Hotel baru ditubuhkan pada pertengahan tahun 2010. Ia masih dalam pusing jangka hayat perniagaan (*business life cycle*) yang memerlukan kepada strategi penembusan pasaran sebelum mampu memberikan keuntungan. Manakala PWNS tidak menjalankan aktiviti atau dorman sejak tahun 2005 tambahan pula ia merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan bagi menguruskan harta wakaf dan bukan bersifat keuntungan. Semakan lanjut Audit mendapati pengarah MHSB adalah salah seorang ahli dalam Lembaga Pengarah MAINS Hotel dan PWNS bagi tujuan memastikan kepentingan MHSB terjamin.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti MHSB adalah memuaskan, namun penekanan perlu diberikan dalam aspek penyenggaraan premis dengan menyediakan kakitangan yang mencukupi serta mewujudkan jadual penyenggaraan berkala bagi memastikan premis sentiasa dalam keadaan baik.**

#### **4.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Malaysia untuk Tadbir Urus Korporat pada tahun 2000 dan telah disemak semula pada tahun 2007 yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur; penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir Urus Korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebijakan syarikat ke arah meningkatkan

prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir Urus Korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan.

#### **4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan Lembaga Pengarah perlu mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah sekali bagi tempoh 3 bulan. Mengikut perkara 143 Akta Syarikat 1965, Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan pada setiap tahun kewangan. Mengikut Memorandum dan Artikel penubuhan syarikat MHSB tidak menetapkan kekerapan Mesyuarat Lembaga Pengarah yang perlu diadakan dalam setahun. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2010 hingga November 2013, MHSB telah mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sebanyak 10 kali iaitu 3 kali pada tahun 2010, 2 kali pada tahun 2011, 3 kali pada tahun 2012 dan 2 kali pada tahun 2013. Di antara perkara-perkara yang dibincangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah pelantikan Lembaga Pengarah, prestasi kemajuan projek pembangunan yang sedang dilaksanakan, laporan kewangan MHSB, pembayaran bonus, kenaikan gaji dan pengurusan pinjaman.

#### **4.4.3.2. Unit Audit Dalam Dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Perenggan 1000 *Attribute Standards - International Standards For The Professional Practice Of Internal Auditing* menyatakan tujuan, kuasa dan tanggungjawab Audit Dalam hendaklah dinyatakan dalam piagam, konsisten dengan peraturan/undang-undang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menetapkan pelaksanaan Audit Dalam di syarikat induk dan subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati MHSB belum menukuhan Unit Audit Dalam Audit Dan Pemeriksaan.

#### **4.4.3.3. Rancangan Strategik Korporat**

Syarikat perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan Misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik dan hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati MHSB tidak menyediakan perancangan strategik bagi tahun 2010 hingga 2013 yang mengandungi Visi, Misi, hala tuju, rancangan jangka pendek dan rancangan jangka panjang serta petunjuk prestasi.

#### **4.4.3.4. Standard Operating Procedures**

*Standard Operating Procedures (SOP)* merupakan suatu arahan atau peraturan bertulis yang disediakan oleh sesebuah organisasi bertujuan untuk memastikan semua aktiviti/proses/prosedur kerja yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati MHSB ada menyediakan prosedur kewangan merangkumi kawalan bajet, pengurusan aset dan inventori, pemeriksaan dan pelupusan aset dan kawalan hasil dan terimaan. Prosedur Kewangan ini dikenali sebagai Tatacara Kewangan MAINS Holding Sdn. Bhd.. MHSB ada menyediakan prosedur mengenai syarat dan terma perkhidmatan kakitangan, polisi sebut harga dan tender, manual prosedur pekerja dan Prosedur Kenderaan Pejabat. Selain itu, peraturan penurunan kuasa dan perwakilan kuasa turut dilaksanakan berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2009.

#### **4.4.3.5. Pembayaran Dividen**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan. Syarikat kerajaan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjaskankan kedudukan kewangan syarikat. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati MHSB tidak membuat bayaran dividen kepada MAINS pada tahun 2010 hingga 2012 walaupun telah memperoleh keuntungan. Keadaan ini adalah kerana keuntungan yang dijana adalah kecil dan sebahagiannya disimpan sebagai *reserves*.

#### **4.4.3.6. Key Performance Indicator (KPI)**

Mengikut *Intensifying Performance Management*, Buku Biru Versi 2, syarikat kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Management (KPI)* bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlulah berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik perlulah boleh dicapai, membuat perbandingan dengan *benchmark* yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan dan KPI hendaklah disampaikan kepada semua peringkat dari kakitangan sehinggalah Ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati MHSB belum menyediakan *Key Performance Indicator (KPI)* untuk menilai prestasi syarikat.

#### **4.4.3.7. Pengurusan Kewangan**

Pengauditan pengurusan kewangan dan operasi syarikat dijalankan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957. Sebagai syarikat milikan penuh Agensi Kerajaan Negeri Sembilan, selain daripada mematuhi Akta Syarikat 1965, MHSB juga perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan peraturan kewangan yang ditetapkan kepada syarikat Kerajaan. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan MHSB meliputi kawalan bajet, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan pelaburan dan pengurusan pinjaman serta aset adalah baik.

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat MHSB pada keseluruhannya adalah memuaskan di mana pelantikan Lembaga Pengarah, polisi dan prosedur kerja yang lengkap dan kawalan dalaman telah diwujudkan selaras dengan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat. Sementara itu, MHSB belum menyediakan Rancangan Strategik Korporat dan *Key Performance Indicator* serta belum menubuhkan Unit Audit Dalam.**

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi mempertingkatkan pengurusan syarikat MAINS Holdings Sdn. Bhd. (MHSB):

**4.5.1.** Menyediakan jadual penyenggaraan bagi memastikan setiap premis dan peralatan yang disewa sentiasa dalam keadaan baik dan dapat memanjangkan jangka hayat premis dan peralatan.

**4.5.2.** Menyediakan Rancangan Strategik Korporat dan *Key Performance Indicator* supaya hala tuju perniagaan MHSB lebih jelas dan ada sasaran yang ditetapkan untuk dicapai.



---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti daripada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta penyeliaan yang kurang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**2 Mei 2014**







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)